

# Laporan

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR

# AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

# LAPORAN

## ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

### 2021

#### FAKULTI PENDIDIKAN PENGAJARAN & PEMBELAJARAN

---

**KETUA PTJ :**

SHARIPAH RUZAINA BINTI SYED ARIS

**KETUA UNIT KUALITI :**

SHIREENA BASREE BINTI ABDUL RAHMAN

**PENYELARAS :**

RAIHA SHAHANAZ BINTI REDZUAN

**PENULIS :**

1. RAIHA SHAHANAZ BINTI REDZUAN
2. SHIREENA BASREE BINTI ABDUL RAHMAN
3. FARHANA BINTI WAN YUNUS
4. FATIN ALIANA BINTI MOHD RADZI
5. ZURAIMI BINTI ZAKARIA
6. SHARIFAH MUZLIA BINTI SYED MUSTAFA
7. ANI MAZLINA DEWI BINTI MOHAMED

8. SITI ZURAIDA BINTI MAARUF
9. MUHAMMAD FAIZ BIN SABRI
10. NAZEERA BINTI AHMED BAZARI
11. ROSLAILI BINTI ANUAR
12. SHEIKHA BINTI MAJID
13. SITI FAIRUZ BINTI DALIM
14. NOR TUTIAINI BINTI AB.WAHID
15. ADZURA ELIER BINTI AHMAD
16. MAZLEN BINTI AREPIN
17. WAN NURUL ELIA BINTI HASLEE SHARIL

## **KRITERIA 1 : KEPIMPINAN**

### **1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Bab ini akan membincangkan perancangan kepimpinan Fakulti Pendidikan dalam membangunkan kualiti Perkhidmatan dan Pentadbiran dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdPc). Prinsip teras fakulti menekankan keseimbangan modal insan dalam cabaran pendidikan era digital. Pensejajaran perancangan strategik Fakulti, UiTM dan dasar-dasar Kementerian Pendidikan Malaysia serta terus menerapkan pembudayaan IR 4.0 sebagai panduan dalam memastikan kecemerlangan dan kemampuan inovasi dalam PdPc dapat dicapai oleh warga Fakulti Pendidikan.

#### **Kepimpinan Kanan dan pelaksanaan perancangan strategik**

Kepimpinan yang cekap, berintegriti dan berwawasan adalah satu tunjang kejayaan sesebuah organisasi. Dengan berpegang kepada visi dan misi serta tagline ***EDU Persuing Excellent*** Kepimpinan Fakulti diterajui oleh Profesor Madya Dr. Nabilah binti Abdullah sebagai Dekan yang mentadbir fakulti, di bantu oleh bahagian Hal Ehwal Akademik (HEA), Penyelidikan dan Jaringan Industri (PJI) dan Hal Ehwal Pelajar (HEP). Bagi menyokong visi dan misi Fakulti Pendidikan untuk menjadi sebuah Fakulti tersohor dan pusat rujukan pembelajaran dan pembelajaran (PdPc) di peringkat kebangsaan dan antarabangsa dalam pelbagai bidang pendidikan pengurusan tertinggi fakulti telah merangka tiga (3) inisiatif projek utama yang dikenali sebagai PAN-EduX, EDU-PRO dan Edu-Intellect.

Bagi menjayakan **tiga (3) inisiatif projek utama iaitu PAN-EduX, EDU-PRO dan Edu-Intellect yang telah dirangka oleh pengurusan tertinggi fakulti**, pejabat kedekanan dibantu oleh Ketua Pusat Pengajian (KPP), Koordinator, Ketua Unit, Penyelaras dan Penolong Pendaftar telah merangka dan melaksanakan pelbagai aktiviti yang bersifat menyeluruh melibatkan semua bidang kepakaran warga fakulti yang terdiri daripada staf akademik, pentadbiran serta mahasiswa Fakulti Pendidikan.

## 1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pendidikan di abad ke-21 ini direvolusikan bersama teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran sejajar dengan lonjakan industri teknologi digital IR4.0 serta Education 5.0. **Tiga (3) inisiatif projek utama iaitu PAN-EduX, EDU-PRO dan Edu-Intellect yang telah diilhamkan oleh pengurusan tertinggi fakulti adalah mendokong aspirasi tersebut.** Bagi menyahut cabaran revolusi pendidikan ini, Kepimpinan Fakulti Pendidikan mengambil aspirasi pragmatik dimana model **Community of Learners** diketengahkan. **(Rujuk pada BUKTI 1: Gambarajah 1).** Teori *social network* dan *collaborative theory* didefinisikan dengan hubungan yang terjalin antara individu dan masyarakat yang memungkinkan terbinanya beberapa jalinan yang membentuk satu hubungan linear atau *flow of resources* yang dizahirkan. Penzahiran sumber ini boleh dilihat dalam bentuk sokongan sosial, emosi, maklumbalas, kepakaran, kewangan, aktiviti keusahawanan dan lain – lain.

Meskipun negara dilanda pandemik COVID-19 pendekatan pemerkasaan PdPc di abad 21 yang lebih bersifat fleksibel diamalkan sepenuhnya serta rancak diteruskan tidak hanya menjurus kepada pelajar dan pensyarah, tetapi juga turut melibatkan wakil institusi pendidikan luar, industri serta agensi di dalam dan di luar negara dalam menghasilkan bakal graduan Fakulti Pendidikan yang mampu bersaing dalam pasaran yang semakin kompetitif. Justeru itu, pelaksanaan aktiviti PdPc di setiap Jabatan menggalakkan penerapan elemen inovasi, kreativiti dan kritis yang menjadi keperluan semasa dan akan datang. Berdasarkan hala tuju dalam perancangan strategik 2019/2020, hasil pendekatan ini dizahirkan dengan pencapaian berikut:

### 1. INISIATIF 1 PAN-EduX

a) Satu sistem **Open Distance Learning (ODL): Daily Reminder Staff/ Students –telegram/Online Timetable** telah dibangunkan. Sistem ini bertujuan bagi membantu para pensyarah mahupun pelajar untuk menerima peringatan serta pemakluman terkini berkaitan penjadualan pengajaran dan pembelajaran sepanjang semester. **(Rujuk pada BUKTI 2: Gambarajah 2).**

b) **Sistem ON9 ISMP/Asasi Interview/Master.** **(Rujuk pada BUKTI 2: Gambarajah 3)**

### 2. INISIATIF 2 EDU-PRO

a) Peningkatan jalinan dengan industri dan komuniti secara kolaborasi. Tumpuan pemerkasaan PdPc di abad 21 **inisiatif 2 EDU-PRO** turut memberi ruang kepada pembentukan kebolehpasaran pelajar menerusi penglibatan aktiviti persatuan pelajar dalam penganjuran program berimpak seperti **Ultimate Mathematics Challenge (UMC), SCITECH dan Visual Art & Design Education Showcase**, dan lain-lain. **(Rujuk pada BUKTI 3: Gambarajah 4)**

b) Penganjuran program-program yang berprestij di peringkat Nasional mahupun Antarabangsa iaitu satu pertandingan Inovasi dalam pendidikan secara maya telah dijayakan. **(Rujuk BUKTI 3: Gambarajah 5)**

c) Peningkatan bilangan keterlibatan pensyarah bersama institusi pendidikan di dalam dan di luar negara serta sangkutan industri di peringkat nasional dan antarabangsa. **(Rujuk pada BUKTI 3: Gambarajah 6)**

d) Sokongan kepakaran untuk pembangunan profesional staf akademik dalam bidang penerbitan dan kajian juga dilaksanakan setiap tahun di atas insentif pengurusan fakulti. **(Rujuk pada BUKTI 3: Gambarajah 7)**

### 3. INISIATIF 3 EDU-Intellect

a) **EDU-Intellect** merupakan inisiatif 3 usaha berterusan pihak fakulti untuk membuka

percaya kepada warga LDC untuk menerima pengalaman serta ilmu di Kementerian Pengkaji antarabangsa secara berhemah Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam Malaysia 2019, International Arts Seminar, Week Without Wall dan Professorial Webinar Series adalah antara komitmen konsisten kemampuan pengurusan fakulti dalam arena keserjanaan untuk semua warganya. **(Rujuk pada BUKTI 4: Gambarajah 8)**

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [1.2\\_BUKTI 1.pdf](#)
2. [1.2\\_BUKTI 2.pdf](#)
3. [1.2\\_BUKTI 3.pdf](#)
4. [1.2\\_BUKTI 4.pdf](#)

## 1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

### STRATEGI PEMANTAUAN KEPIMPINAN

Kepimpinan kanan merealisasikan visi dan misi organisasi kepada pelajar, staf dan pihak berkepentingan melalui perancangan strategik, mesyuarat, aktiviti akademik dan bukan akademik yang melibatkan seluruh warga UiTM dan komuniti. Mesyuarat khusus seperti mesyuarat JKE, JAF, JKAPS, TAAF & TAPA dijalankan secara berkala dan mengikut takwim. Paling utama pemantauan kepimpinan dilakukan Dekan melalui mesyuarat JKE dan MKSP di mana pelaporan pencapaian serta penambahbaikan Fakulti menjadi agenda utama. Setiap Timbalan Dekan melaporkan kegiatan dan pencapaian mereka di dalam mesyuarat JKE.

**(Rujuk pada BUKTI 1: Gambarajah 9 dan Jadual 1)**. Kekuatan kewangan Fakulti dan kejayaan penjana pendapatan turut dilaporkan di dalam mesyuarat JKE dan merupakan agenda utama di dalam mesyuarat TAAF & TAPA. Setiap semester, mesyuarat staf akan dijalankan dan pelaporan MyRA serta Tabung Amanah akan disampaikan untuk maklumat warga staf Fakulti.

Dapatan daripada setiap mesyuarat yang dijalankan, dinilai secara kritis bagi mengenal pasti aspek yang perlu diberi tumpuan bagi tindakan selanjutnya. Sebagai contoh, data berkenaan prestasi pelajar yang dibentangkan dalam JAF akan dikenal pasti untuk tindakan penambahbaikan seperti Bengkel AE 2019/2020 bagi membantu mengurangkan jumlah pelajar bermasalah untuk graduat akibat gagal menyelesaikan academic exercise mereka, Klinik Matematik untuk membantu pelajar fakulti dari jabatan Matematik dan Sains. **(Rujuk pada BUKTI 2: Gambarajah 10)**

Program *Amanat Dekan* **(Rujuk pada BUKTI 2: Gambarajah 11)** turut dijalankan untuk menyebarkan informasi dan wadah pejabat kedekanan dan timbalan dekan. Ini merupakan satu langkah yang penting bagi memastikan kelangsungan semua perancangan kepimpinan dapat disalurkan kepada semua *community of learners* walaupun berada di tempat yang berlainan. Selain itu selain itu segala informasi turut di sampaikan secara berterusan kepada warga fakulti melalui platform media seperti WhatsApp dan Telegram. **(Rujuk pada BUKTI 2: Gambarajah 12)**

### **SENARAI BUKTI :**

1. [1.3\\_BUKTI\\_1\\_EDU.pdf](#)
2. [1.3\\_BUKTI\\_2.pdf](#)
- 3.

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

#### **INOVASI PERLAKSANAAN DAN PENAMBAHBAIKAN SISTEM SOKONGAN PDPC**

Selain itu, kepimpinan kanan Fakulti Pendidikan sentiasa berusaha untuk mengintegrasikan visi dan misi Fakulti Pendidikan kepada pelajar, staf, komuniti, serta pihak berkepentingan bagi merealisasikan kecemerlangan kepimpinan organisasi terutamanya bagi pengajaran dan pembelajaran. Antara beberapa inovasi dan penambahbaikan yang telah dilaksanakan sepanjang 2019/2020:

#### **1. Sistem Pemakluman dan Pemantauan Jadual Waktu Atas Talian**

Memandangkan Fakulti Pendidikan mempunyai beberapa Jabatan dan Program Akademik, pengurusan jadual waktu yang efisien adalah amat penting. Hasil dari maklumbalas pelajar, pensyarah dan HEA Fakulti Pendidikan, bagi menyahut pengurangan kos percetakan, tenaga dan tujuan pemantauan, AJK Jadual Waktu telah mengambil inisiatif sistem jadual waktu online. Sistem ini lebih mudah di akses oleh pelajar dan pensyarah. Kekosongan bilik kuliah juga boleh disemak setiap masa, dan pelajar boleh menyemak jadual (terkini) secara atas talian, subjek, bilik kuliah dan pensyarah. Inovasi ini telah berjaya menjimatkan kos, tenaga dan sistem pengurusan yang lebih efisien dengan menggunakan platform aplikasi telegram dan email secara langsung. Sistem jadual waktu online ini juga memudahkan pensyarah servicing dari Fakulti Sains Gunaan, APB, ACIS dan lain-lain bagi memantau pergerakan jadual waktu pelajar dan pensyarah terutamanya pada minggu 1 hingga minggu ke 3 untuk setiap semester. Hasil dari kaji rintis dalam 2017, ia kini telah digunapakai secara meluas di fakulti untuk semua peringkat dari pihak pengurusan seperti KPP dan Propens kepada juruteknik dan pelajar dalam tahun 2019/2020. **(Rujuk pada BUKTI 1: Gambarajah 13 dan Carta 1)**

#### **2. Sistem Pemakluman Dan Pemantauan Perjalanan Kuliah Secara Atas Talian Sepenuhnya Open Distance Learning (ODL)**

Memandangkan Fakulti Pendidikan mempunyai beberapa Jabatan dan Program Akademik, pengurusan dari aspek pemantauan perjalanan kuliah secara atas talian sepenuhnya sepanjang Pandemi COVID-19 melanda adalah amat penting. Salah satu langkah membantu kelancaran pengendalian sesi pengkuliahan atas talian, dibawah inisiatif **1 PAN-EduX** satu sistem **Open Distance Learning (ODL): Daily Reminder Staff/ Students –telegram/Online Timetable** telah dibangunkan. Sistem ini bertujuan bagi membantu para pensyarah membuat perlaporan pengajaran dan pembelajaran sepanjang semester. Laporan yang diisi akan terus dipantau oleh Timbalan Dekan Akademik. **(Rujuk pada BUKTI 1: Gambarajah 14)**

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [1.4.1\\_BUKTI 1.pdf](#)
- 2.
- 3.



#### **1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

Dalam mendepani pandemik COVID-19 yang melanda kepimpinan Fakulti telah mengambil langkah mengubah segala perancangan pengendalian pengajaran serta program-program yang melibatkan peringkat nasional dan internasional secara bersemuka kepada atas talian sepenuhnya. Dalam mengedalikan pengajaran (ODL) dan program-program yang bersifat Empowerment di kalangan pensyarah dan pelajar secara atas talian terdapat risiko yang perlu ditangani. **LAPORAN eRMS (Rujuk pada BUKTI 1: Jadual 2)** bagi merumuskan tentang pendekatan pengendalian risiko yang diamalkan oleh Fakulti Pendidikan dalam merancang, meluaskan kesedaran inovasi dalam PdPc dan menguruskan risiko yang bakal dihadapi. Pelan pemantauan dan perluasan turut dibincangkan serta strategi dalam mencapai objektif yang telah dirancang bagi mencapai PdPc yang berkesan. Segala contoh yang diberi boleh diperhalusi mengikut kriteria seterusnya secara lebih spesifik.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [1.4.2 BUKTI 1 Laporan eRMS2020.pdf](#)

### 1.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Kepimpinan Kanan Fakulti Pendidikan sentiasa melaksanakan analisa melalui hasil tindakan penambahbaikan prestasi bagi mencapai kejayaan untuk setiap inisiatif yang telah dibangunkan. Bagi tujuan penambahbaikan daripada pengendalian risiko dibawah inisiatif 1 **PAN-EduX** pengajaran secara ODL, Pemantauan berkala dilakukan oleh KPP dan KP bagi setiap proses pengajaran yang telah dijalankan. Pengendalian ODL serta isu yang berkaitan akademik ini dimesyuaratkan dalam mesyuarat JAFF. Teguran dan peringatan secara berkala dari Dekan disalurkan melalui Email, Whatsapp serta Telegram. Begitu juga pengendalian risiko dibawah inisiatif 2 **EDU-PRO** dan inisiatif 3 **EDU-Intellect**. Kepimpinan Kanan Fakulti Pendidikan turut sentiasa melaksanakan analisa melalui hasil tindakan penambahbaikan prestasi bagi program-program yang telah dijalankan. **(Rujuk pada BUKTI 1: Gambarajah 15)**

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [1.4.3\\_BUKTI 1.pdf](#)

## 1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Kepimpinan Kanan Fakulti Pendidikan masih mampu mengerakkan semua jabatan dalam memastikan segala objektif dan inisiatif strategik yang telah dirancang berjalan lancar meskipun tanpa secara bersemuka. Hampir kesemua sistem pentadbiran yang sebelum ini dikendalikan secara konvensional telah ditransformasikan sepenuhnya di atas talian. Antara amalan pentadbiran kepimpinan bagi inisiatif 1 **PAN-EduX** adalah seperti pengendalian mesyuarat pengurusan, proses pembentangan Proposal Penyelidikan (DRP) dan Viva Voce di peringkat pasca siswazah, Mesyuarat jalinan kolaborasi di antara institusi dan industri di bawah **EDU-Intellect** yang merupakan inisiatif 3 dikendalikan secara atas talian sepenuhnya. Begitu juga segala pemakluman terkini berkaitan perubahan serta perkembangan semasa yang melibatkan inisiatif 2 **EDU-PRO** serta inisiatif 3 **EDU-Intellect** seperti program pengisian ilmuah, ilmu keusahawanan, seperti webinar peringkat nasional serta international dan perkeliling terkini university, amalan budaya kerja (WFH), amalan pencegahan COVID-19, pembukaan tawaran geran penyelidikan dan sebagainya akan segera disalurkan kepada warga fakulti melibatkan kakitangan pentadbiran, pensyarah serta pelajar menerusi platform Whatapp, Telegram mahupun email. **(Rujuk pada BUKTI 1: Gambarajah 16)**

### **SENARAI BUKTI :**

1. [1.5\\_BUKTI 1.pdf](#)

## **KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK**

### **2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Perancangan strategik Fakulti Pendidikan 2019 dan 2020 dirangka berasaskan kepada UiTM Malaysia Plans 2001-2020. Perancangan Strategik UiTM yang digubal pada setiap lima (5) tahun menjadi panduan kepada pembentukan **Strategic Action Plan (SAP)** Fakulti Pendidikan. Walau bagaimanapun, penilaian prestasi bagi setiap indikator pencapaian dilakukan pada setiap tahun agar pemetaannya selari dengan Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11) dan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN). Indikator pencapaian fakulti ini disasarkan kepada Fakulti Pendidikan melalui Pusat Perancangan dan Maklumat Strategik (CSPI) yang kini dikenali sebagai Bahagian Transformasi Universiti (BTU).

Pada tahun 2019, terdapat 53 bilangan indikator pencapaian (PI) yang diturunkan kepada Fakulti Pendidikan dan skor pencapaian pada tahun tersebut adalah 52%. Bilangan PI bagi tahun 2020 telah berkurang kepada 51 dan skor pencapaian sedikit meningkat kepada 55.5%. Peningkatan dari segi pencapaian PI ini dilihat berlaku kerana penambahbaikan dan pemahaman yang lebih baik tentang keperluan setiap PI oleh setiap Timbalan Dekan (TD) yang berfungsi sebagai peneraju PI di peringkat fakulti dan juga warga fakulti secara amnya. Setiap TD akan membentangkan kemajuan perancangan dan strategi mereka untuk pencapaian PI kepada Dekan dalam mesyuarat JKE. Dokumen UiTM 2025 menjadi rujukan utama bagi memastikan strategi yang dibina sejajar dengan inisiatif universiti.

Pencapaian strategik 2019/2020 adalah berdasarkan kepada 3 inisiatif utama berikut:

#### **1. PANdemic-EduX**

Pembangunan Flexible Online Learning System bagi mewujudkan sistem pembelajaran dan pengajaran yang lebih bermakna menerusi e-platform seterusnya meningkatkan kecekapan sistem dan pencapaian dokumentasi Fakulti Pendidikan dalam tempoh pandemik. Antaranya Flexible Learning Platform, Massive Open Online Course (MOOC) dan ON Interview System.

#### **2. EDU-EMpower**

Meningkatkan jalinan dengan industri dan komuniti melalui kolaborasi program dalam memperkasakan kepakaran staf dan pelajar. Antara program yang berimpak bagi projek ini adalah inisiatif menaiktaraf Asian Journal of University Education (AJUE) yang kini merupakan jurnal berindeks Scopus (Q4) di bawah kendalian Asian Center for Research on University Learning and Teaching (ACRULet), salah sebuah Pusat Kecemerlangan (Center of Excellence) di Fakulti Pendidikan, UiTM. Selain Scopus, AJUE turut diindeks antaranya oleh Asean Citation Index, MyCite, Asian Digital Library, ERIC Institute of Education Sciences, OCLC WorldCat, dan Google Scholar. Inisiatif ini menyumbang kepada pencapaian cemerlang fakulti dalam PI yang berkaitan dengan penerbitan.

#### **3. Edu-Intellect**

Meningkatkan bilangan penglibatan staf dalam aktiviti akademik yang mengiktiraf kepakaran mereka di peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa melalui Profesional Webinar Series dan program lain yang berbentuk konferensi dan kolokium Program-program ini turut menyumbang kepada pencapaian PI fakulti antaranya meningkatkan bilangan pelajar yang terlibat dalam program outbound dan inbound, menggalakkan penglibatan pelajar terlibat dalam program usahasama dengan industry, menjana pendapatan dari penganjuran program.

Secara keseluruhannya, ketiga-tiga projek ini telah menyemarakkan amalan pemindahan pengetahuan, mengetengahkan bidang dan kepakaran staf akademik Fakulti Pendidikan, serta melonjakkan ketampakkan Fakulti Pendidikan di peringkat universiti mahupun antarabangsa. Malah inisiatif-inisiatif ini turut menyokong pencapaian PI yang diturunkan kepada fakulti. Penvelaras Strategik Transformasi Universiti (PSTU) memainkan peranan sebagai penvelia

yang bertanggungjawab memantau pelaksanaan dan pencapaian inisiatif. Pelaporan secara berkala dilakukan bagi merekod pencapaian ke dalam sistem UePMO mengikut jadual yang telah ditetapkan oleh BTU. Pelaporan ini kemudiannya dikongsi kepada peneraju agar di strategikan pencapaiannya mengikut situasi semasa.

## 2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Perancangan strategik Fakulti Pendidikan bagi tahun 2016-2020 merupakan perancangan bagi jangka masa lima (5) tahun bertujuan mencapai visi Fakulti Pendidikan iaitu untuk menjadi Fakulti Pendidikan yang tersohor berdasarkan kecemerlangan akademik dan kesarjanaan dalam melahirkan graduan beretika, berwawasan, inovatif, dinamik dan global. Perancangan strategik Fakulti disemak dari masa ke semasa melalui beberapa platform yang mudah dilaksanakan antaranya group whatsapp, mesyuarat JKE dan mesyuarat am serta google drive. Pembentukan inisiatif perancangan strategik yang telah di laksanakan oleh Fakulti Pendidikan untuk tahun 2019/2020 disejajarkan dengan 3 projek utama fakulti pendidikan. Berikut merupakan proses yang berlangsung dalam membentuk pelan strategik Fakulti Pendidikan:

- a) SAP ini dibentuk berdasarkan kepada sasaran PI yang diturunkan kepada Fakulti pada setiap awal tahun. **(Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 1) Mesyuarat dan bengkel Perancangan Strategik pada tahun 2019/2020.**
- b) SAP ini merangkumi pembentukan jawatankuasa bagi setiap projek yang di diluluskan. TD yang bertindak sebagai peneraju akan melantik pengurus program bagi membantu pelaksanaan dan pencapaian PI. Jawatankuasa yang dibentuk ini akan menilai situasi semasa dan jurang pencapaian dan seterusnya mengaplikasi kaedah pelaksanaan yang bersesuaian. Penetapan keutamaan berdasarkan keperluan bajet dan risiko turut ditekankan sewaktu penjajaran inisiatif dengan PI yang berkaitan dibuat.
- c) Kesedaran warga tentang PI dan pelan strategik ini dikongsi melalui Mesyuarat bersama Staf Fakulti Pendidikan **(Rujuk BUKTI 2: Gambarajah 2 dan Jadual 1).**
- d) Penyediaan Strategik Action Plan (SAP) yang dirangka oleh setiap Timbalan Dekan **(Rujuk BUKTI 3: Gambarajah 3 dan 4)** kemudiannya dibentangkan kepada Dekan untuk kelulusan dan dimajukan kepada Bahagian Transformasi Universiti (BTU) bagi tujuan rekod dan pemantauan **(Rujuk BUKTI 3: Gambarajah 5).**
- e) PSTU bertindak sebagai pemantau keseluruhan inisiatif akan melapor pencapaian setiap inisiatif di sistem UePMO dan menyediakan pelaporan ringkas kepada Dekan **(Rujuk BUKTI 4: Gambarajah 6)** sebagai persediaan bagi menghadapi pembentangan laporan PI oleh BTU yang dilakukan secara berkala 3 bulan sekali. Bagi setiap pelaporan yang dibentangkan oleh PSTU kepada Dekan turut menjadi tanda aras kepada setiap TD untuk menggerakkan inisiatif yang berkaitan dan menambahbaik strategi jika perlu.

Ketiga-tiga projek utama fakulti **PANdemic-EduX, EDU-Empower dan Edu-Intellect** menggarap usaha dan memacu fakulti untuk menjadi fakulti tersohor. Mendokong usaha meletakkan UiTM di QS Ranking teratas, setiap inisiatif yang dilaksanakan ditindikkan dengan keperluan MyRA dan SETARA.

Contohnya inisiatif menaiktaraf AJUE sebagai jurnal berwasit dan berindeks Scopus dapat meningkatkan kesarjanaan penulis di peringkat UiTM, kebangsaan dan antarabangsa. Ianya terbukti melalui pemilihan penulis untuk setiap penerbitan yang perlu merentasi ketiga-tiga aspek demografik ini. Ia turut menyumbang kepada peningkatan bilangan penerbitan fakulti khususnya dalam jurnal berindeks, penulisan kolaborasi bersama 'top 500 university', kolaborasi kebangsaan. Manakala Insentif Penerbitan Fakulti Pendidikan iaitu inisiatif yang diperkenalkan oleh Pejabat Penyelidikan, Jaringan dan Industri Fakulti Pendidikan. Mensasarkan pertambahan penerbitan di kalangan staf akademik, insentif ini telah berjaya menyuburkan budaya penerbitan secara individu mahupun berkumpulan.

EDUScholar Webinar Series yang dianjurkan oleh Fakulti Pendidikan mendukung aspirasi

perencanaan strategi dan inisiatif pelaksanaan yang dilaksanakan petinggi pejabat dengan fokus pengisian kepada penulisan akademik, geran, penyelidikan dan penerbitan.

**SENARAI BUKTI:**

1. [2.2\\_BUKTI 1\\_EDU.pdf](#)
2. [2.2\\_BUKTI 2.pdf](#)
3. [2.2\\_BUKTI 3\\_EDU.pdf](#)
4. [2.2\\_BUKTI 4.pdf](#)

## 2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Berdasarkan kepada inisiatif yang dirancang oleh setiap peneraju (TD), **(Rujuk pada BUKTI 1: Gambarajah 7)**: Objektif Strategik untuk ketiga-tiga Projek Utama Fakulti Pendidikan menunjukkan bagaimana pemetaan inisiatif-inisiatif strategik kepada ketiga-tiga projek utama Fakulti Pendidikan iaitu:

### 1. PANdemic-EduX

Pembangunan Flexible Online Learning System bagi meningkatkan kecekapan sistem dan pencapaian dokumentasi Fakulti Pendidikan dalam tempoh pandemik. Projek ini diterajui oleh TDA.

### 2. EDU-EMpower

Meningkatkan jalinan dengan industri dan komuniti melalui kolaborasi program dalam memperkasakan kepakaran staf dan pelajar. Projek ini diterajui oleh dua Timbalan Dekan iaitu TD PJI yang bertanggungjawab merancang dan TD HEP (pelajar).

### 3. Edu-Intellect

Meningkatkan bilangan penglibatan staf dalam aktiviti akademik yang mengiktiraf kepakaran mereka di peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa. Contohnya Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam Malaysia 2019 dan International Arts Seminar: Kolokium Antarabangsa Pascasiswazah Pendidikan Seni 2019/International Seminar Quo Vadis in Art Education XV/Week Without Wall yang dinyatakan dalam **BUKTI 1: Gambarajah 7: Objektif Strategik untuk ketiga-tiga Projek Utama Fakulti Pendidikan**

## SENARAI BUKTI :

1. [2.3\\_BUKTI 1.pdf](#)



## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Inisiatif yang dirancang dipantau dengan teliti untuk memastikan sasaran perancangan strategik tercapai. Fakulti perlu mengenalpasti dan urus risiko yang dihadapi dan sentiasa berusaha membuat penambahbaikan ke atas inisiatif yang dirancang.

Oleh itu, Fakulti Pendidikan telah merangka pelan pemantauan yang sistematik bagi memantau dan menilai status pelaksanaan tiga projek utama **PAN-EduX**, **EDU-EMpower** dan **Edu-Intellect**. Proses pemantauan ini merangkumi beberapa bahagian:

a) Pemantauan berkala setiap suku tahun menerusi analisa pencapaian PI BTU (**Rujuk pada BUKTI 1: Gambarajah 8): Pemantauan berdasarkan Laporan Pencapaian PI BTU**

b) Pemantauan pencapaian PI di mesyuarat JKE berdasarkan input pelaporan suku tahun perincian ketiga-tiga projek sebagai bukti pemantauan dan keputusan berdasarkan maklumat yang diperolehi. (**Rujuk pada BUKTI 2: Gambarajah 9): Pemantauan pencapaian PI di mesyuarat JKE**)

### **SENARAI BUKTI:**

1. [2.4.1 BUKTI 1.pdf](#)
2. [2.4.1 BUKTI 2.pdf](#)

## 2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Fakulti Pendidikan telah mengenalpasti risiko dan diambil kira di dalam perancangan strategik supaya PTJ mengambil tindakan mencegah dan mengatasi risiko tersebut. Risiko-risiko ini terbahagi kepada lima (5) aspek iaitu aspek strategik, kewangan, perundangan, operasi dan reputasi (**Rujuk pada BUKTI 1: Gambarajah 10): Risiko bagi Inisiatif dikenalpasti dan dinyatakan dalam SAP.**

Namun begitu, risiko yang dominan dikenalpasti ialah:

- Kekangan peruntukan kewangan
- Kesyediaan tenaga pengajar dan kepakaran

Fakulti berhadapan dengan risiko-risiko ini dengan memfokus terus kepada objektif setiap inisiatif. Contohnya bagi keputusan strategik yang diambil oleh ACRULeT untuk menambah kekerapan penerbitan AJUE daripada 3 kali setahun pada tahun 2019 kepada 4 kali setahun pada tahun 2020 sangat memberi impak lonjakan yang besar. Pertambahan jumlah penerbitan setahun ini meletakkan AJUE di dalam kelas yang tersendiri memandangkan kekerapan biasa untuk penerbitan jurnal berwasit yang dikendalikan oleh universiti awam ialah 2 kali setahun sahaja. Inovasi yang dilakukan ini memberi peluang yang lebih tinggi kepada penyumbang-penyumbang artikel untuk menerbitkan artikel ilmiah mereka seterusnya menyumbang kepada peningkatan jumlah bilangan penerbitan fakulti.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [2.4.2 BUKTI 1.pdf](#)

### 2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Hasil analisa perancangan strategik dilaksanakan untuk tindakan penambahbaikan prestasi bagi mencapai kejayaan setiap projek. Kepimpinan kanan Fakulti Pendidikan sentiasa menyeru agar warga fakulti menghayati dan memahami kebercapaian PI melalui inisiatif yang telah dirancang. Sehubungan itu, pencapaian PI bagi tahun berakhir dikongsi dengan warga dengan harapan warga fakulti akan lebih rasa bertanggungjawab untuk menunaikan amanah yang diberi. Aspek kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman ditekankan kepada warga untuk kesedaran dan meningkatkan amalan pembudayaan kerja yang lebih positif dalam memastikan aspek-aspek ini digunakan dengan sebaiknya. Analisis SWOT (**Rujuk pada Bukti 1: Gambarajah 11: Analisis SWOT**), ini juga turut dibentangkan kepada Naib Canselor bagi menunjukkan keseriusan pengurusan fakulti untuk memastikan inisiatif yang dirancang dilaksanakan dengan sempurna dan menyumbang kepada perancangan strategik UiTM 2025.

Inovasi penambahbaikan perancangan strategik dalam pengendalian Pengajaran dan Pembelajaran yang memfokuskan kepada keperluan pelanggan iaitu pelajar, penjaga, pemegang taruh, dan komuniti pengajian awam dan swasta. Bagi projek **PAN-EduX** contohnya kepakaran pensyarah dalam membangunkan sistem dokumentasi atas talian di optimalkan untuk menggantikan kaedah konvensional bagi menyesuaikan dengan norma baru. Begitu juga inisiatif-inisiatif di bawah projek **EDU-Empower** juga masih diteruskan dengan mengaplikasi pelaksanaannya secara maya. Projek **Edu-Intellect** turut diteruskan dalam bentuk webinar samada di peringkat kebangsaan dan antarabangsa dengan perancangan yang lebih teliti.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [2.4.3 BUKTI 1.pdf](#)

## 2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Perancangan strategik yang rapi dapat memastikan setiap usaha dapat digembeleng dengan berkesan, tersusun dan mencapai matlamatnya. Fakulti Pendidikan turut mengatur semula strategi bagi beberapa program yang perlu diteliti semula berikutan pandemic COVID-19 ini yang memerlukan kaedah pelaksanaan yang lebih sesuai. Timbalan-Timbalan Dekan yang bertindak sebagai peneraju projek berbincang dengan jawatankuasa yang ditubuhkan untuk merancang semula kaedah pelaksanaan inisiatif-inisiatif tersebut.

Amalan pembudayaan kerja norma baharu selalu diingatkan oleh pengurusan atas bagi memastikan minda kerja gaya baru ini dapat diamalkan dan memastikan pencapaian objektif dan inisiatif strategik dilaksanakan dan seterusnya mencapai sasaran. Untuk memastikan kejayaan tersebut, Fakulti Pendidikan memerlukan sokongan yang padu dan jitu dari semua warga fakulti termasuklah dalam kalangan kepimpinan kanan, staf akademik dan staf pentadbiran.

Perkongsian maklumat kepada warga fakulti melalui perkongsian pencapaian sasaran fakulti dikongsi bersama warga dari masa ke semasa melalui ruang yang santai (Whatsapp) dan juga perkongsian dokumen strategik di google drive bagi melancarkan proses penilaian dan pengukuran prestasi fakulti (**Rujuk pada BUKTI 1: Gambarajah 12: Platform perkongsian dokumen strategik**).

### **SENARAI BUKTI :**

1. [2.5 BUKTI 1.pdf](#)

## **KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN**

### **3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Fakulti Pendidikan memberi keutamaan kepada sistem pengurusan pelanggan. Ianya meliputi proses mengenalpasti serta melaksanakan langkah-langkah strategic mengikut kategori pelanggan bagi memenuhi keperluan organisasi. Selain dari itu, sistem pengurusan pelanggan ini juga berfungsi sebagai asas kepada penambahbaikan, perancangan strategic dan pengurusan perhubungan yang lebih sistemik dan efisien bagi Fakulti Pendidikan. Maklumbalas ini menjadi satu cara check & balance bagi perkhidmatan yang diberikan kepada semua pelanggan. Empat teras utama bagi pembentukan hubungan baik pelanggan:

- i) kerjasama dengan pelajar dan pihak berkepentingan untuk mengenalpasti proses dan penyelesaian bagi membentuk persekitaran yang kondusif dan berprestasi.
- ii) pengenalpastian keperluan, jangkaan dan tahap kepuasan pelanggan
- iii) Penyediaan pelbagai saluran komunikasi untuk menyampaikan maklumat secara konstruktif.
- iv) Pemupukan kerjasama dan hubungan yang positif dengan pelajar dan semua pihak berkepentingan seperti sekolah dan kementerian pengajian tinggi.

### 3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Berdasarkan model **Community of Learners** yang telah diketengahkan, kumpulan sasar bagi Fakulti Pendidikan terdiri daripada empat (4) kategori utama iaitu pelajar, pensyarah serta jabatan dan program bagi semua kursus yang ditawarkan di Fakulti Pendidikan manakala kategori keempat adalah pelanggan luaran yang berkepentingan iaitu industri dan pemegang taruh. **(Rujuk pada BUKTI 1: Gambarajah 1: Kumpulan Sasar Community of Learners).**

Meskipun negara sedang dilanda Pandemik COVID-19, pemerkasaan PdPc terus dijalankan bagi memastikan keberhasilan graduan yang mampu bersaing dalam pasaran yang semakin kompetitif. Justeru, pelaksanaan aktiviti PdPc di setiap jabatan tidak hanya menjurus kepada pelajar dan pensyarah, tetapi juga turut melibatkan pihak berkepentingan seperti sekolah, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Universiti Awam mahupun Swasta serta industri. Sebarang perubahan polisi pendidikan, makluman dari pembekal/rakan kongsi dan pembaharuan dalam sistem pendidikan negara sentiasa diberi perhatian untuk tindakan semua koordinator program dan staf sokongan. Perhubungan yang efektif di antara pelanggan dalaman dan luaran ini amat penting sebagai tanda aras dan sumber nilai tambah bagi penambahbaikan dalam pelbagai aspek seperti kandungan pengajaran, pelaksanaan dan suasana pembelajaran. Hal ini sekaligus meningkatkan kualiti dan kebolehpasaran graduan fakulti. Pada masa yang sama, elemen inovasi, kreativiti dan kritis yang menjadi keperluan semasa dan akan datang sentiasa dirancang dan dipraktiskan melalui pelaksanaan pelbagai program akademik dan bukan akademik melibatkan kesemua kumpulan sasar **(Rujuk pada BUKTI 2: Gambarajah 2: Perkaitan antara Pelanggan Fakulti Pendidikan).**

Bagi mendokong tiga (3) inisiatif projek utama yang telah diilhamkan oleh pengurusan tertinggi fakulti iaitu **PAN-EduX**, **EDU-PRO** dan **Edu-Intellect**, pelanggan yang dikenalpasti terlibat dalam menjayakan objektif setiap projek akan dibincangkan di dalam mesyuarat di peringkat fakulti seperti mesyuarat pengurusan eksekutif serta mesyuarat pentadbir akademik. Melalui perancangan yang sistematik, mengambilkira elemen inovasi dan perkongsian pengetahuan, kesemua projek utama yang dijalankan oleh fakulti telah memberi manfaat kepada kumpulan sasar yang terlibat. **(Rujuk pada BUKTI 3: Gambarajah 3: Manfaat Projek kepada Kumpulan Sasar bagi ketiga-tiga Projek Utama).**

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [3.2\\_M\\_BUKTI 1.pdf](#)
2. [3.2\\_M\\_BUKTI 2.pdf](#)
3. [3.2\\_M\\_BUKTI 3.pdf](#)

### 3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Bagi tujuan rujukan dan penambahbaikan, Fakulti Pendidikan sentiasa memastikan data pelanggan dikumpul dan disimpan dengan baik. Fail peribadi staf digunakan untuk simpanan rekod staf manakala laman portal sims menempatkan data peribadi pelajar. Antara data yang dikumpul adalah seperti surat lantikan, surat jemputan, maklumbalas pelanggan, mesyuarat bersama industri serta laporan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan.

#### PENGURUSAN KUMPULAN SASAR

##### 1. PENSYARAH

Fakulti Pendidikan memberi sokongan dalam kemajuan kerjaya pensyarah dan staf pentadbiran. Proses kenaikan pangkat pensyarah ke peringkat Profesor, Profesor Madya dan Pensyarah sentiasa ditambahbaik melalui beberapa strategi seperti penyampaian sesi taklimat Dekan kepada pensyarah yang dibuat pada awal semester bagi penentuan KPI yang perlu dilaksanakan dan dicapai oleh para pensyarah. Ini melonjakkan bilangan kenaikan pangkat di kalangan staf sepanjang tahun 2019/2020. **(Rujuk pada BUKTI 1: Jadual 1, Gambarajah 4 dan Gambarajah 5).**

**Melalui inisiatif EDU-EMpower, pemerksaan kepakaran di kalangan staf dapat dilihat melalui peningkatan** keterlibatan para pensyarah sebagai pakar rujuk samada di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Sepanjang tahun 2019/2020, seramai 26 orang pensyarah telah dilantik sebagai pakar rujuk dan penyampai ucapnama di peringkat tempatan mahupun antarabangsa. Lantikan ini meningkatkan profesionalisme pensyarah sekaligus mencapai sasaran KPI iaitu seramai 26 orang melebihi sasaran KPI fakulti yang ditetapkan pada 25 orang. Ini telah melonjakkan nama Fakulti Pendidikan ke peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Penempatan pensyarah dalam program sangkutan industri atau di institusi – institusi pendidikan seperti di Pusat Kreatif Kanak-kanak Tuanku Bainun juga meningkatkan professional pensyarah disamping melonjakkan peluang pemertian perjanjian persefahaman. **(Rujuk pada BUKTI 2: Gambarajah 6 dan 7).** Salah satu daripada inisiatif **EDU-Empower** yang paling berjaya ialah penganjuran **International Virtual Educational Invention, Innovation and Design Competition 2020 (iVEDIIC2020)** **(Rujuk pada BUKTI 2: Gambarajah 8).**

Hasil sokongan dan penambahbaikan berterusan dari pengurusan fakulti melalui inisiatif **EDU-EMpower** juga telah menyerlahkan keserjanaan ahli akademik apabila pelbagai anugerah dirangkul oleh staf Fakulti Pendidikan sepanjang tahun 2019/2020. Anugerah ini merangkumi pelbagai aspek iaitu kepimpinan, kajian serta inovasi. **(Rujuk pada BUKTI 3: Gambarajah 9).**

Melalui inisiatif seterusnya iaitu **EDU-Intellect**, warga akademik diberi peluang dan sokongan untuk berkongsi ilmu dan kepakaran mereka melalui penganjuran Professorial Talk dan Webinar **(Rujuk pada BUKTI 3: Gambarajah 10).**

##### 2. PELAJAR

Fakulti Pendidikan sentiasa meletakkan kebolehpasaran graduan sebagai agenda utama Fakulti. Meskipun pelaksanaan P&P terganggu disebabkan pandemic yang melanda, namun bilangan pelajar tahun akhir yang bergraduat bagi setiap kursus di Fakulti Pendidikan tetap meningkat. Antara inisiatif yang dijalankan untuk membantu pelajar adalah melalui pelaksanaan Bengkel Penulisan Latihan Akademik yang dijalankan sebanyak dua (2) kali sepanjang tahun untuk membantu para pelajar dalam penulisan tesis penyelidikan mereka. **(Rujuk pada BUKTI 4: Gambarajah 11).** Sokongan ini berjaya melonjakkan bilangan GOT Fakulti Pendidikan seterusnya mencapai KPI fakulti. **(Rujuk pada BUKTI 4: Jadual 2).**

Bagi memperkasakan nilai dan kebolehpasaran graduan, Fakulti Pendidikan melalui inisiatif **EDU-Empower** turut meningkatkan jalinan industri dan komuniti secara kolaborasi. Dengan itu, pelajar diberi sokongan dan ruang untuk terlibat dalam program mobiliti dan pertukaran pelajar

antarabangsa, serta terlibat dalam pertandingan inovasi dan persatuan. Antara aktiviti pelajar yang berimpak adalah Ultimate Mathematics Challenge (UMC), SCITECH dan Visual Art & Design Education Showcase dan lain-lain. **(Rujuk pada BUKTI 5: Gambarajah 12).**

**SENARAI BUKTI :**

1. [3.3\\_BUKTI 1.pdf](#)
2. [3.3\\_BUKTI 2.pdf](#)
3. [3.3\\_BUKTI 3.pdf](#)
4. [3.3\\_BUKTI 4.pdf](#)
5. [3.3\\_BUKTI 5.pdf](#)



## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

#### **PELAN MEMPERKASAKAN KEPUASAN PELANGGAN**

##### **MAKLUMBALAS PELANGGAN**

###### **a. Keperluan dan Penglibatan Pelanggan**

Fakulti Pendidikan memberikan perhatian kepada pelajar dan pihak berkepentingan sedia ada untuk mendapat maklumat dan maklumbalas ke atas program pendidikan, penawaran perkhidmatan dan sokongan kepada mereka melalui:

- i. Perbincangan dengan pengurusan fakulti
- ii. Borang maklumbalasa pelanggan fakulti
- iii. Edaran borang penilaian program melalui Laporan Aktiviti Pelajar
- iv. Program santai bersama pelajar
- v. Sistem e-aduan Korporat UiTM
- vi. Pemeriksa Luar
- vii. Lawatan tetamu industri dalam dan luar Negara
- viii. Lawatan Akademik fakulti ke organisasi luar

###### **b. Perolehan Maklumbalas ‘Community of Learners’**

Fakulti Pendidikan sentiasa komited untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada semua kategori pelanggan dengan mewujudkan ruang atau peluang untuk berkomunikasi antara pihak Fakulti dengan pelanggan. Maklumbalas merupakan elemen yang penting bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan yang telah ditawarkan dan dalam masa yang sama bertujuan untuk membantu menyelesaikan masalah yang di hadapi oleh pelanggan. Usaha ini dapat memastikan keperluan pelanggan boleh dipenuhi dengan sebaiknya. Sebagai contoh, melalui sesi dialog dengan pelajar semasa, pihak fakulti dapat mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh pelajar bagi mengharungi sesi pengajian mereka. Perbincangan boleh terus dilakukan bagi mencari titik sefahaman dan punca asal dalam menyelesaikan masalah tersebut sebelum tindakan diambil. Bagi memastikan setiap kategori pelanggan berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan, Fakulti Pendidikan mengoptimumkan pelbagai kaedah bagi mendapatkan maklumbalas daripada pelanggan utama dan pihak berkepentingan. Hasil Mekanisma pemantauan dikumpul dan dianalisis untuk digunakan bagi kaji semula pengurusan. Kaedah-kaedah perolehan untuk setiap kategori pelanggan dipelbagaikan mengikut kategori kumpulan pelanggan (**Rujuk pada BUKTI 1: Jadual 3**).

Kumpulan pelanggan utama bagi Fakulti Pendidikan merupakan bakal pelajar, pelajar semasa/berdaftar, pihak fakulti, staff UiTM dan ibu-bapa. Kaedah perolehan maklumbalas bersama dengan pelanggan utama mengoptimumkan kaedah dialog, perbincangan, program bersama pelanggan dan hebahan melalui pelbagai platform media sosial. Manakala bagi pihak berkepentingan, program usahasama yang melibatkan sekolah, KPT, universiti awam, IPTS dalam dan luar Negara, sektor swasta dan penaja dari pihak luar dirangka dengan teliti dari semasa ke semasa bagi mengukuhkan lagi persefahaman dan kerjasama.

##### **SENARAI BUKTI:**

1. [3.4.1\\_BUKTI 1.pdf](#)

### 3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Risiko merupakan sesuatu isu, kejadian atau peristiwa yang wujud dan boleh memberi kesan kepada pencapaian visi, misi, objektif atau matlamat sesebuah organisasi. Risiko-risiko yang wujud mungkin boleh menjejaskan pelaksanaan atau kejayaan pencapaian maklumbalas pelanggan tersebut. Antara risiko yang dihadapi dengan fokus kepada tumpuan pelanggan ialah enrolmen pelajar, reputasi akademik, peratus jaringan industri dan komuniti yang berimpak tinggi dan pematuhan terhadap kehendak perundangan.

Risiko-risiko yang wujud perlulah diurus dan ditangani dengan baik bagi mengurangkan kesan risiko serta tidak menjejaskan penglibatan pelanggan. Fakulti Pendidikan komited dalam melaksanakan pengurusan risiko dengan melaksanakan langkah strategik yang melibatkan kerjasama bersepadu dari semua pihak di Fakulti Pendidikan. Apabila sesuatu kejadian risiko berlaku, risiko dikenalpasti mengikut konteks, risiko dianalisis, penilaian risiko dilaksanakan kemudian langkah kawalan risiko diambil. Proses ini melibatkan pemantauan, semakan, komunikasi dan rundingan dengan pihak-pihak berkepentingan bagi meminimumkan risiko yang telah dikenalpasti. Langkah pengurusan risiko yang dilaksanakan perlulah sistematik dan mengikut langkah yang disarankan oleh jawatankuasa pengurusan risiko university (**Rujuk BUKTI 1: Carta 1) Langkah Pengurusan Risiko.**

Melalui langkah pengurusan risiko yang dilaksanakan, jenis risiko, tahap risiko dan langkah kawalan risiko dapat dikenalpasti dengan jelas serta lebih mudah untuk dilaksanakan. Lima risiko telah dikenalpasti bagi tumpuan kepada pelanggan untuk Fakulti Pendidikan. Berdasarkan penaksiran risiko yang dilakukan, langkah pencegahan juga telah dirancang untuk mengatasi risiko yang dihadapi (**Rujuk BUKTI 2: Jadual 4) Pengurusan Risiko.**

Setelah jenis risiko dikenalpasti, tahap risiko dinilai dan di kategorikan kepada tiga kategori iaitu rendah, sederhana dan tinggi. Berdasarkan tahap risiko, langkah kawalan risiko akan diperhalusi dan dirancang dengan mengambilkira kepentingan setiap pelanggan dan juga Fakulti Pendidikan serta UiTM secara keseluruhannya.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [3.4.2\\_BUKTI 1.pdf](#)
2. [3.4.2\\_BUKTI 2.pdf](#)

### 3.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

**Penambahbaikkan** hubungan dari segi pemertian perjanjian persefahaman **meningkatkan** keterlibatan para pensyarah sebagai pakar rujuk samada di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Jemputan pensyarah sebagai pakar rujuk dan memberi ucapnama boleh meningkatkan profesionalisme pensyarah. Bagi mencapai matlamat strategik ini, pelbagai program usahasama dirancang bagi meningkatkan proses perkongsian ilmu antara fakulti dan pelanggan yang berkepentingan. Program usahasama sebegini dapat mendedahkan kepakaran yang ada pada pensyarah-pensyarah Fakulti Pendidikan supaya dapat menyumbang kepada kepentingan komuniti secara berkesan **(Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 13)**.

Dengan strategi perkongsian dan usahasama ini, semakin ramai pensyarah dijadikan sebagai pakar rujuk oleh pelanggan berkepentingan dari luar dan dalam organisasi. Fakulti Pendidikan juga menggalakkan pensyarah untuk melibatkan diri dalam pelbagai program dan jemputan bagi meningkatkan penampakan kepakaran mereka. Dengan strategi ini, peluang penempatan pensyarah di industri akan boleh ditingkatkan sekaligus dapat melonjakkan peluang pemertian perjanjian persefahaman **(Rujuk BUKTI 2: Gambarajah 14)**.

**Penambahbaikkan** yang dilakukan adalah sesi taklimat dekan kepada pensyarah telah di buat pada awal semester untuk penentuan KPI yang perlu dilaksanakan dan dicapai oleh para pensyarah. Dari semasa ke semasa, pencapaian KPI ini dihebahkan kepada semua pensyarah supaya pensyarah maklum tentang keperluan KPI yang perlu dipenuhi bagi tahun tersebut **(Rujuk BUKTI 3: Gambarajah 15)**. Makluman tentang syarat-syarat kenaikan pangkat dikemaskini dari semasa ke semasa bagi memastikan semua pensyarah boleh merancang laluan kenaikan pangkat masing-masing.

Dari segi Pengajaran dan Pembelajaran (P&P), penggunaan e-time table telah di tambahbaik dengan mengoptimumkan penggunaan platform telegram bagi menyampaikan maklumat P&P kepada pelajar. Selain itu, jadual waktu P&P juga kini boleh didapati secara dalam talian **(Rujuk BUKTI 4: Gambarajah 16)**. Penempahan bilik atau dewan kuliah, permohonan penggantian serta penanguhan kuliah boleh dilaksanakan secara dalam talian **(Rujuk BUKTI 4: Gambarajah 17)**. Sekiranya penggantian dan penanguhan dibuat, sistem jadual waktu ini akan menghantar peringatan menerusi email dan telegram sehari sebelum waktu kuliah tersebut akan dijalankan **(Rujuk BUKTI 4: Gambarajah 18)**. Ini menjimatkan masa dan sumber serta dapat meningkatkan keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [3.4.3\\_BUKTI 1.pdf](#)
2. [3.4.3\\_BUKTI 2.pdf](#)
3. [3.4.3\\_BUKTI 3.pdf](#)
4. [3.4.3\\_BUKTI 4.pdf](#)

### 3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pelajar merupakan pelanggan utama bagi Fakulti Pendidikan. Pengajaran dan pembelajaran (P&P) merupakan aktiviti tumpuan utama bagi memenuhi keperluan pelajar. Bagi memastikan penghasilan P&P yang bermutu tinggi, Fakulti Pendidikan telah mengenalpasti kehendak dan keperluan kumpulan pelanggan. Dalam situasi pandemik Covid-19, terdapat beberapa amalan pembudayaan baru atau inovasi yang telah dilaksanakan bagi memastikan perjalanan P&P pelajar tidak terjejas. Antaranya ialah penggunaan QR code dan reminder alert telegram kepada pelajar berhubung semua maklumat tentang P&P mereka **(Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 19)**. Pelajar juga sentiasa diingatkan untuk melakukan saringan Covid-19 setiap hari. Ini bagi memastikan semua pelajar tidak ketinggalan dan terlupa untuk membuat saringan **(Rujuk BUKTI 2: Gambarajah 20)**.

Bagi pensyarah, garis panduan untuk melaksanakan ODL disediakan untuk memastikan pensyarah dapat menjalankan P&P bersama pelajar mereka. Pensyarah juga dikehendaki membuat laporan mingguan aktiviti ODL yang berjalan bagi semua kelas mereka. Di dalam laporan itu terdapat juga bahagian untuk mendapatkan maklumbalas daripada pensyarah tentang perjalanan dan pelaksanaan ODL mereka seperti platform yang digunakan, kehadiran pelajar, dan masalah yang dihadapi. Melalui pelaporan ini, pihak fakulti dapat mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh pensyarah dan pelajar semasa sesi ODL **(Rujuk BUKTI 3: Gambarajah 21)**.

Selain itu, pelajar sentiasa diingatkan untuk berpakaian kemas dan sopan sewaktu menghadiri kuliah walaupun berlangsung dalam talian. Pembudayaan ini penting bagi memastikan pelajar sentiasa menjaga etika pemakaian dalam apa jua situasi dalam kerjaya mereka sebagai guru kelak. Pensyarah juga selalu diingatkan melalui saluran mesyuarat, notis ringkas supaya mempamerkan sikap professional yang tinggi semasa mengendalikan kuliah supaya dapat menjadi contoh yang baik kepada pelajar. Pensyarah juga diingatkan untuk menerapkan nilai moral dan adab dalam kalangan pelajar selari dengan hasrat UiTM supaya dapat melahirkan graduan beradab dan berilmu yang menjadi kebanggaan rakyat Malaysia. Tambahan pula mereka merupakan bakal guru yang akan mendidik generasi Malaysia seterusnya untuk menyertai di dalam mahupun luar Negara.

Apabila tindakan telah dikenalpasti, Fakulti Pendidikan memastikan semua tindakan akan diukur, dianalisa dan mendokumentasikan penemuan dan membuat hebahan kepada semua pelanggan yang berkepentingan.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [3.5\\_BUKTI 1.pdf](#)
2. [3.5\\_BUKTI 2.pdf](#)
3. [3.5\\_BUKTI 3.pdf](#)

## **KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN**

### **4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Pelan Strategik UiTM2025 telah mensasarkan pencapaian universiti terkemuka dunia dengan berteraskan pendidikan berkualiti, kecemerlangan global, dan prestasi berorientasikan nilai. Menerusi bidang tumpuan Pengajaran & Pembelajaran, Fakulti Pendidikan turut menyahut seruan pengurusan tertinggi demi merealisasikan matlamat tersebut menerusi **TIGA PROJEK UTAMA** sepanjang tahun 2019-2020 iaitu **PANdemic-EduX**, **EDU-Empower** dan **Edu-Intellect**.

Projek pertama PANdemic-EduX melibatkan aktiviti untuk memperkasakan penyampaian pengajaran untuk memastikan pengumpulan dan penyampaian maklumat yang tepat. Contoh projek **Flexible Learning Platform** menunjukkan kesungguhan fakulti memastikan pengurusan maklumat menggunakan platform virtual selari dengan perkembangan dan keperluan teknologi serta keadaan terkini.

Projek kedua EDU-Empower pula memberi tumpuan kepada pemerksaan kedua-dua kumpulan staf dan pelajar di Fakulti Pendidikan. Untuk memastikan staf serta pelajar diperkasakan melalui pembudayaan kreativiti dan inovasi sebagai amalan dalam proses pengajaran dan pembelajaran, projek **Visual Art & Design Education Showcase** telah dianjurkan. Pemerksaan untuk pelajar pula dibuktikan melalui **Klinik Latihan Ilmiah** dalam usaha memastikan mereka menamatkan pengajian dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan (GOT).

Seterusnya projek ketiga Edu-Intellect pula menjurus kepada matlamat meningkatkan kepakaran dan keilmuan staf akademik melalui penyertaan dalam pelbagai kursus, seminar dan konferens seperti penganjuran **International Virtual Educational Design, Invention and Innovation Competition (iVEDIIC2020)** bagi membantu staf terus mencapai KPI dalam pembangunan kompetensi.

Ketiga-tiga tumpuan projek tersebut melalui proses membuat keputusan berasaskan data (*data-driven decision-making*) yang memang merupakan amalan dan nilai utama di Fakulti Pendidikan. Bagi mencapai keberkesanan sesuatu program, sistem serta prosedur pengukuran yang berkesan serta berimpak tinggi diaplikasikan. Pengukuran yang berkesan juga merupakan indikator kepada Pendidikan Berkualiti, iaitu salah satu matlamat yang digariskan di dalam *Sustainable Development Goals* (SDG). Menyedari kepentingan pengukuran terutamanya di dalam proses pemantauan dan penambahbaikan proses pengajaran dan pembelajaran, amalan serta nilai pengukuran berteraskan konstruktivis menjadi tunjang kepada warga fakulti.

Kitaran PDCA dijadikan asas untuk fakulti memastikan P&P mencapai penambahbaikan berterusan. Dengan perancangan (*Plan*) melalui bengkel perancangan strategik diikuti dengan gerak kerja berwawasan, pengurusan pantas mengenalpasti peluang yang datang dengan merancang perubahan yang sesuai untuk dilaksanakan. Seterusnya, pelaksanaan (*Do*) program atau agenda yang telah direkabentuk akan dilaksanakan sebaik mungkin dengan menggembeling tenaga dari pelbagai peringkat. Setiap perancangan yang dijalankan akan di pantau (*Check*) demi melihat keberkesanan program serta menilai kekuatan dan kekurangan yang telah berlaku. Selanjutnya tindakan penambahbaikan (*Act*) akan diambil samada dengan menukar strategi bagi membetulkan kesilapan atau meningkatkan pelaksanaan akan datang bagi program yang telah berjaya.

Bagi memberikan gambaran spesifik terhadap amalan pengukuran yang dilaksanakan yang menjurus kepada penambahbaikan dan inovasi, laporan ini memfokuskan kepada TIGA PROJEK UTAMA. Fokus laporan ini menekankan komitmen dan dedikasi Fakulti Pendidikan dalam memacu sumber dan tenaga yang ada untuk merealisasikan visi universiti. Sistem serta prosedur pengukuran yang berkesan serta berimpak tinggi diaplikasikan di peringkat pengurusan kanan serta di dalam proses membuat keputusan berkaitan setiap projek ini. Meskipun negara dilanda pandemik COVID19, pendekatan pemerkasaan PdPc yang lebih bersifat fleksibel diamalkan sepenuhnya serta diteruskan kepada warga fakulti. Berlandaskan PDCA, cabaran-cabaran ekoran dari ODL telah ditangani dengan sebaiknya dalam memastikan P&P tetap berjalan lancar. Dengan sokongan yang utuh daripada Pengurusan Fakulti, ia telah memberi ruang kepada warga fakulti termasuk staf pentadbiran untuk melonjak keluar daripada paradigma biasa.

## 4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pelbagai ukuran yang relevan telah digunakan bagi mengukur pencapaian dalam Pengajaran dan Pembelajaran. **(Rujuk pada BUKTI 1: Carta 1)** Proses pengukuran tahap pencapaian pengajaran dan pembelajaran. Setiap program adalah unik dan menggunakan kayu pengukur yang berbeza mengikut kesesuaian bagi memastikan program berjalan seperti yang dirancang. Paling penting adalah memastikan perancangan bagi setiap projek bersifat sistematik dari awal sehingga akhir mengambilkira penambahbaikan dari aktiviti yang telah berlangsung. Misi setiap program juga adalah untuk memastikan inovasi and perkongsian ilmu sentiasa menjadi tunjang utama bagi meningkatkan prestasi staf dan pelajar secara menyeluruh. **Antaranya (Rujuk pada BUKTI 1: Carta 2)** dalam Misi **TIGA PROJEK UTAMA**.

### 1. FLEXIBLE LEARNING PLATFORM

Satu sistem Open Distance Learning (ODL): Daily Reminder Staff/Students – telegram/Online Timetable telah dibangunkan bertujuan bagi membantu para pensyarah mahupun pelajar untuk menerima peringatan serta pemakluman terkini berkaitan penjadualan pengajaran dan pembelajaran sepanjang semester. **(Rujuk pada BUKTI 2: Gambarajah 1)**

### 2. VISUAL ART & DESIGN EDUCATION SHOWCASE

Visual Art & Design Education Showcase merupakan program pameran seni pelajar-pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Seni dan Seni Reka. Program ini bukan sekadar pameran sahaja malah melibatkan diskusi dan perkongsian ilmu diantara pengunjung dan para pelajar. Tujuan utama program ini ialah untuk menyediakan platform kepada pelajar dalam menengahkan ilmu, kemahiran dan pengalaman melalui pameran hasil penyelidikan mereka. Selain itu, diskusi di antara para penilai dan pelajar memberikan maklum balas kepada para pelajar tentang hasil penyelidikan mereka pada pandangan industri dan masyarakat. **(Rujuk pada BUKTI 3: Gambarajah 2)**

### 3. KLINIK LATIHAN ILMIAH

Menamatkan pengajian dalam tempoh (graduate on time GOT) adalah misi utama Pelan Strategik UiTM2025, di mana universiti mensasarkan sehingga 90% kadar employability (GE) dengan menawarkan pendidikan berkualiti supaya graduan dapat berdaya saing di tahap dalam dan luar negara. Di Fakulti Pendidikan, terdapat segelintir pelajar yang tidak berjaya GOT hanya kerana mereka gagal menyiapkan projek tahun akhir dalam kursus EDU650 Academic Exercise. Berikutan kesukaran memahami proses penyelidikan, di samping cabaran menyiapkan tugas akademik yang lain, serta hubungan antara penyelia yang tidak produktif, pelajar boleh menjadi tidak bermotivasi dan putus asa untuk menyiapkan Latihan ilmiah mereka pada penghujung semester 8. **(Rujuk pada BUKTI 4: Carta 3)**

### 4. INTERNATIONAL VIRTUAL INVENTION, INNOVATION AND DESIGN COMPETITION 2020 (IVEDIIC)

Selaras dengan Revolusi Industri 4.0 dan Kemahiran Abad ke-21, para pensyarah dan pelajar di

Fakulti Pendidikan digalakkan untuk membudayakan kreativiti dan inovasi sebagai amalan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dalam merealisasikan pembudayaan ini, Unit Inovasi dan Komersil di bawah Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni, Fakulti Pendidikan telah menganjurkan pertandingan ini pada 17 sehingga 20 September 2020 melalui di atas talian disebabkan kekangan akibat pandemic Covid-19. Selaras dengan tema 'Social Sustainability through Educational Inventions, Innovations and Designs' Objektif penganjuran ialah untuk memantap dan memperkasakan budaya sains, teknologi dan inovasi dalam kalangan warga UiTM dan IPTA / IPTS / Politeknik /Kolej / Sekolah dan peserta luar negara serta memperkembangkan pendedahan pengetahuan dan amalan kepada para penyelidik disamping mengukuhkan prestasi pasaran semasa dalam bidang teknologi, kreativiti dan pengkormersialan. **(Rujuk pada BUKTI 5: Gambarajah 3)**

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [4.2\\_BUKTI 1.pdf](#)
2. [4.2\\_BUKTI 2.pdf](#)
3. [4.2\\_BUKTI 3 EDU.pdf](#)
4. [4.2\\_BUKTI 4.pdf](#)
5. [4.2\\_BUKTI 5.pdf](#)



#### 4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Adalah menjadi harapan dan visi pengurusan Fakulti Pendidikan supaya semua program yang dijalankan mencapai sasaran menjangkau peringkat dalaman sahaja. Namun prinsip asas sesuatu program mestilah mengutamakan kecemerlangan dalam kalangan staf dan pelajar, sepertimana dua projek Flexible Learning Platform (ODL) dan Klinik Latihan Ilmiah telah digerakkan untuk meningkatkan prestasi penyampaian maklumat serta menaikkan peratus GOT dalam kalangan pelajar di fakulti tidak kira di peringkat sarjana muda mahupun pasca siswazah. Pelaksanaan dua program lagi Visual Art & Design Education Showcase dan International Virtual Invention, Innovation and Design Competition 2020 (iVEDIIC2020) telah berjaya menjangkau ke seluruh UiTM malah ke peringkat negara dan antarabangsa dengan penyertaan peserta dari pelbagai lapisan.

##### 1. FLEXIBLE LEARNING PLATFORM

Memandangkan sistem ini dibangunkan buat kali pertama dan diguna pakai untuk sesi ODL sepanjang pandemik Covid-19 ini, dengan berteraskan maklum balas daripada pengguna iaitu warga pensyarah Fakulti Pendidikan, penambahbaikan secara berterusan sentiasa dilaksanakan bagi memastikan sistem ini dapat diguna pakai dengan baik bagi memastikan rekod PdPC secara atas talian dapat dilaksanakan secara berkesan sehingga masa kini. Para pensyarah boleh merekodkan perihal yang berkaitan dengan PdPc fleksibel yang dijalankan merangkumi

- Minggu (Minggu 1-14 sesi kuliah)
- Kod Subjek
- Info Kumpulan Pelajar

Maklumat Berkaitan ODL seperti Platform, Tarikh, Masa, Pautan PdPc, bukti PdPc, kehadiran pelajar serta masalah/cabaran yang dialami oleh pensyarah (sekiranya ada) sepanjang sesi ODL dilaksanakan. **(Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 4)**

##### 2. VISUAL ART & DESIGN EDUCATION SHOWCASE

Program ini pernah berjaya dilaksanakan pada tahun 2017 dan 2018 di Galeri Fakulti Pendidikan. Pada 30 – 31 Disember 2019, Visual Art & Design Education 2019 telah di adakan di Islamic Arts Museum Malaysia. Program ini telah dianjurkan oleh program Sarjana Pendidikan Seni Visual Fakulti Pendidikan di Muzium Kesenian Islam Malaysia. Turut terlibat dalam program ini adalah Universitas Pendidikan Indonesia (UPI), Majlis Rekabentuk Malaysia (MRM), Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) dan Universiti Selangor (UNISEL). Seramai 50 peserta telah terlibat dalam program tersebut, 30 pelajar ijazah sarjana Pendidikan seni visual dan 20 pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Seni dan Seni Reka. Program ini juga melibatkan 3 orang penilai dari Fakultas Pendidikan Seni dan Desain, Universitas Pendidikan Indonesia selain dari penilai-penilai dari MRM, ASWARA, dan UNISEL. **(Rujuk BUKTI 2: Gambarajah 5 dan 6)**

##### 3. KLINIK LATIHAN ILMIAH

Penyertaan pelajar ke Klinik Latihan Ilmiah ini yang pada mulanya adalah berdasarkan rekomendasi penyelia. Kriteria utama peserta adalah mereka yang berpotensi tinggi tidak melengkapkan latihan ilmiah di hujung semester 8. Klinik Latihan Ilmiah ini pada mulanya terbuka kepada pelajar yang berminat walaupun tidak mempunyai sebarang masalah dengan

tugas mereka. Walaubagaimanapun, mulai tahun 2019, semua pelajar yang mendaftar bagi kursus EDU650 adalah diwajibkan menghadiri bengkel Klinik Latihan Ilmiah ini. **(Rujuk BUKTI 3: Gambarajah 6 dan 7).**

#### **4. INTERNATIONAL VIRTUAL INVENTION, INNOVATION AND DESIGN COMPETITION 2020 (iVEDIIC2020)**

Perluasan maklumat dapat di lihat dari beberapa aspek penganjuran iVEDIIC 2020. **(Rujuk pada BUKTI 4: Jadual 1)** untuk maklumat berkenaan perluasan maklumat yang telah digunapakai semasa penganjuran pertandingan iVEDIIC 2020 manakala **(Rujuk pada BUKTI 4: Carta 4 dan Gambarajah 10)** adalah maklumat berkaitan pendaftaran pertandingan dan website rasmi pertandingan iVEDIIC2020.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [4.3\\_BUKTI 1 EDU.pdf](#)
2. [4.3\\_BUKTI 2.pdf](#)
3. [4.3\\_BUKTI 3 EDU.pdf](#)
4. [4.3\\_BUKTI 4 EDU.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Bagi memastikan setiap program mencapai objektif yang dirangka, pemantauan dilaksanakan dengan pelbagai mekanisme khusus bagi setiap program. Hasil perjalanan serta masalah atau isu yang dihadapi sepanjang menjalankan projek akan diambil kira untuk penambahbaikan pada masa akan datang.

Pemantauan pencapaian dilaksanakan secara berkala dan berperingkat mengikut kekerapan analisa data yang telah ditetapkan. Proses pemantauan item ukuran dimulakan oleh pegawai bertanggungjawab yang terdiri daripada koordinator, penyelar, penasihat dan AJK yang telah dilantik dengan menyediakan laporan status pencapaian program dibawah pengelolaan masing-masing. Dengan menggunakan data yang terkumpul, perbandingan dibuat dari segi pencapaian semasa dan mengenal pasti pencapaian yang seterusnya.

#### **1. FLEXIBLE LEARNING PLATFORM**

Pembelajaran di atas talian merupakan suatu norma baru yang telah diterapkan di Fakulti Pendidikan. Dengan merujuk kepada statistik pelaporan rasmi data ODL bagi sesi kuliah Mac 2020 (**Rujuk pada BUKTI 1: Gambarajah 11 dan Jadual 2**), keberkesanan pelaksanaan ODL daripada minggu ke-5 hingga ke-14 mempamerkan beberapa perkara penting iaitu dari segi penggunaan platform yang terbaik bagi melaksanakan PdPc.

#### **2. VISUAL ART & DESIGN EDUCATION SHOWCASE**

Program Visual Art & Design Education Showcase ini dilaksanakan bagi meningkatkan relevan program dan bakal graduan di dalam industri pendidikan seni lukis dan seni reka tanahair. Dapatan daripada analisis data pelanggan serta maklumbalas daripada industri menunjukkan keperluan untuk penghasilan produk yang memberi nilai tambah kepada pelajar serta mempunyai hubungkait dengan komuniti dan kehendak industri. Showcase yang dilaksanakan merupakan satu bentuk penambahbaikan serta inovasi yang telah dicapai berdasarkan proses pengukuran prestasi dan pencapaian. (**Rujuk pada BUKTI 2: Gambarajah 12 dan 13**)

#### **3. KLINIK LATIHAN ILMIAH**

Berikutan terdapat bilangan pelajar yang sepatutnya menyiapkan Latihan Ilmiah pada penghujung semester lapan gagal berbuat demikian mengakibatkan mereka tidak menamatkan pengajian dalam tempoh yang sepatutnya (gagal GOT). (**Rujuk pada BUKTI 3: Carta 5 dan Jadual 3**) menunjukkan kadar bilangan pelajar yang Tidak Lengkap Latihan Ilmiah dari tahun 2016 hingga 2020, membuktikan pihak fakulti sentiasa memantau prestasi pelajar setiap semester.

#### **4. INTERNATIONAL VIRTUAL INVENTION, INNOVATION AND DESIGN COMPETITION 2020 (IVEDIIC)**

Analisa pencapaian sesuatu seminar atau konferens tentulah diukur dari jumlah penyertaan dan tahap peserta. (**Rujuk pada BUKTI 4: Jadual 4 dan 5**)

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [4.4.1\\_BUKTI 1 EDU.pdf](#)
2. [4.4.1\\_BUKTI 2.pdf](#)
3. [4.4.1\\_BUKTI 3.pdf](#)
4. [4.4.1\\_BUKTI 4.pdf](#)

#### 4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Di dalam memastikan kelancaran sesuatu program, pihak pengurusan telah menganjurkan supaya amalan mengenalpasti risiko, mengawal dan langkah pencegahan diambil oleh mereka yang dipertanggungjawabkan. Amalan ini telah dilaksanakan terutama dalam perbincangan sepanjang perancangan dan pelaksanaan setiap program.

##### 1. FLEXIBLE LEARNING PLATFORM

Antara perkara utama yang memberi kesan kepada kaedah PdPc secara atas talian ini adalah dari segi capaian internet. Pelaporan menunjukkan bahawa keberadaan pelajar khususnya di kawasan rumah masing-masing adalah merupakan kekangan terbesar dalam mendapatkan talian internet yang stabil dalam meneruskan sesi PdPC. Kekangan ini turut memberi kesan kepada barisan pensyarah dalam meneruskan sesi PdPC yang menyebabkan kesukaran bagi pensyarah untuk meneruskan sesi PdPC disamping dengan masalah-masalah lain yang turut wujud semasa keberadaan pensyarah di rumah sewaktu PKP dilaksanakan. **(Rujuk pada BUKTI 1: Gambarajah 14 dan Jadual 6).**

##### 2. VISUAL ART & DESIGN EDUCATION SHOWCASE

Risiko boleh menyebabkan pengukur, analisa dan pengurusan pengetahuan terjejas. Kegagalan untuk menangani risiko akan menjejaskan fokus terhadap pencapaian KPI yang ditetapkan. Penganjuran program showcase pada tahun 2019 ini dilaksanakan dengan memberi perhatian khusus kepada dapatan analisa dan kajisemula yang dilakukan ke atas penganjuran dan operasi Visual Art & Design Education Showcase 2019. Fokus juga ditumpukan kepada pengurusan risiko supaya program berjalan lancar. **(Rujuk pada BUKTI 2: Jadual 7).**

##### 3. KLINIK LATIHAN ILMIAH

Kegagalan menyiapkan latihan ilmiah di hujung semester lapan tidak memberi sebarang implikasi kepada Purata Nilai Gred dan Purata Nilai Gred Kumulatif pelajar. Penyelia merekodkan prestasi pelajar di dalam sistem markah sebagai Tidak Lengkap (TL) dan pelajar diberikan ruang satu lagi semester (semester 9) untuk menyiapkan dan menghantar latihan ilmiah mereka. Namun, ianya memberi impak negatif kepada fakulti dengan pertambahan pelajar tidak GOT untuk semester tersebut. Menyedari kepentingan GOT dan keperluan strategi intervensi yang berkesan, proses analisa dan kaji semula dijalankan dalam mengenalpasti risiko dan pelan Tindakan. **(Rujuk pada BUKTI 3: Jadual 8).**

##### 4. INTERNATIONAL VIRTUAL INVENTION, INNOVATION AND DESIGN COMPETITION 2020 (IVEDIIC2020)

Pengukuran, analisa dan pengurusan pengetahuan boleh terjejas dengan terdapatnya risiko. Kegagalan untuk menangani risiko akan menjejaskan fokus terhadap pencapaian KPI yang ditetapkan. **(Rujuk pada BUKTI 4: Carta 6)** maklumat mengenai jenis-jenis risiko dan perancangan yang digunakan untuk mengatasi risiko tersebut.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [4.4.2\\_BUKTI 1 EDU.pdf](#)
2. [4.4.2\\_BUKTI 2.pdf](#)
3. [4.4.2\\_BUKTI 3.pdf](#)



#### 4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Data dan maklumat yang dikumpul sepanjang pelaksanaan setiap program telah dianalisa dan diambil tindakan yang sewajarnya supaya penganjuran program akan datang menjadi bertambah baik. Tindakan dari hasil Analisa data juga telah dikongsi dengan warga fakulti supaya kumpulan yang mengambilalih projek pada masa akan datang mampu menjalankan tugas dengan lebih baik.

##### 1. FLEXIBLE LEARNING PLATFORM

Sistem icress yang merangkumi jadual pengajaran pensyarah Fakulti Pendidikan telah diintegrasikan dengan sistem ODL. Penambahbaikan ini dilaksanakan dengan bertujuan untuk mengurangkan risiko berlakunya ralat sewaktu pensyarah mengisi maklumat yang berkaitan dengan PdPc mereka. Inisiatif ini merupakan suatu penambahbaikan berterusan dengan mengambil kira ralat yang telah dilaksanakan sebelum ini. Penambahbaikan ini juga secara langsung dapat menjimatkan masa pensyarah untuk mengisi beberapa maklumat penting sewaktu mengisi borang ODL. **(Rujuk pada BUKTI 1: Gambarajah 15)**

##### 2. VISUAL ART & DESIGN EDUCATION SHOWCASE

Analisa yang telah dilakukan membantu kepada pelaksanaan *Visual Art & Design Education Showcase* 2019 yang lebih berkesan. *Visual Art & Design Education Showcase* 2019 menyaksikan pelbagai bentuk lonjakan dan penambahbaikan yang berjaya dilakukan. **(Rujuk pada BUKTI 2: Jadual 9 dan Gambarajah 16-19)** mengandungi senarai penambahbaikan yang telah diaplikasikan.

##### 3. KLINIK LATIHAN ILMIAH

Sehingga 2019, Klinik Latihan Ilmiah ini telahpun dijalankan secara konsisten dan pelbagai penambahbaikan telah dibuat. Setiap tahun, beberapa aspek di dalam pelaksanaan klinik ini diperkemas dan ditambahbaik. Jadual di bawah menyenaraikan penambahbaikan yang dilakukan. **(Rujuk pada BUKTI 3: Gambarajah 20)**

##### 4. INTERNATIONAL VIRTUAL INVENTION, INNOVATION AND DESIGN COMPETITION 2020 (iVEDIIC2020)

Jabatan Pendidikan harus mempunyai bilik Operasi Khusus bagi tujuan Pertandingan iVEDIIC2020 kerana kekangan apabila Pengoperasian kaedah (I) Surat Menyurat memerlukan tindakan segera seperti (a) mesin fotokopi yang khusus untuk iVEDIIC2020 (Seterusnya), (b) Talian talipon secara talian terus bagi memudahkan perhubungan Jawatankuasa bertindak secara total (segera), (c) Pengurangan masa pengajaran bagi Jawatankuasa iVEDIIC2020 untuk memberi fokus kepada pengurusan pertandingan kerana iVEDIIC2020 adalah PENJANA PENDAPATAN Fakulti (Julung kali dilaksanakan). Berikut **(Rujuk pada BUKTI 4: Carta 7)** adalah susulan kepada penambahbaikan hasil analisa data dan pengajaran dari program yang terdahulu.

**SENARAI BUKTI :**

1. [4.4.3\\_BUKTI 1 EDU.pdf](#)
2. [4.4.3\\_BUKTI 2.pdf](#)
3. [4.4.3\\_BUKTI 3.pdf](#)
4. [4.4.3\\_BUKTI 4.pdf](#)

## **4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)**

Fakulti Pendidikan sentiasa berusaha memastikan penambahbaikan program dibuat secara berterusan dan inovasi telah dilaksanakan secara langsung atau tidak langsung. Sudah pasti pandemic Covid19 yang memaksa pengajaran dan pembelajaran berlangsung secara atas talian telah mengerah seluruh tenaga warga fakulti untuk memikirkan cara alternatif yang terbaik untuk menggerakkan perancangan fakulti. Amalan atau pembudayaan program adalah pada pelbagai tahap, bersesuaian dengan objektif asal penganjuran program samada untuk menjalankan aktiviti khusus bagi warga fakulti ataupun terbuka kepada peringkat luar.

### **1. FLEXIBLE LEARNING PLATFORM**

Penambahbaikan ini dilaksanakan dengan bertujuan untuk mengurangkan risiko berlakunya ralat sewaktu pensyarah mengisi maklumat yang berkaitan dengan PdPc mereka. Inisiatif ini merupakan suatu penambahbaikan berterusan dengan mengambil kira ralat yang telah dilaksanakan sebelum ini. Penambahbaikan ini juga secara langsung dapat menjimatkan masa pensyarah untuk mengisi beberapa maklumat penting sewaktu mengisi borang ODL. **(Rujuk pada BUKTI 1: Jadual 10 dan Gambarajah 21)**

### **2. VISUAL ART & DESIGN EDUCATION SHOWCASE**

Penganjuran Master of Visual Education Showcase 2019 telah meningkatkan kualiti pengukuran kursus dan meningkatkan relevan kursus dalam industri. Komen dan maklumbalas yang diberikan oleh wakil industri menjadi pemangkin kepada peserta untuk menambahbaik kualiti produk, cara produk dipamerkan dan pembentangan.

### **3. KLINIK LATIHAN ILMIAH**

Klinik Latihan Ilmiah merupakan inovasi yang sangat signifikan dalam memastikan pelajar tamat dalam tempoh. Klinik Latihan Ilmiah yang diadakan setiap semester memastikan motivasi pelajar dalam melengkapkan latihan ilmiah berada pada tahap tinggi secara berterusan. Ianya juga memberi ruang kepada pelajar untuk mengenalpasti pendekatan dan kaedah terbaik untuk melengkapkan latihan ilmiah mereka. **(Rujuk pada BUKTI 2: Carta 8 dan Gambarajah 22)**

### **4. INTERNATIONAL VIRTUAL INVENTION, INNOVATION AND DESIGN COMPETITION 2020 (iVEDIIC2020)**

Fakulti Pendidikan mengambil inisiatif untuk menganjurkan pertandingan International Virtual Education Innovation, Invention and Design Competition (iVEDIIC2020) secara maya. Survey telah dijalankan melalui email, whatsapp dan telefon mendapati bahawa warga pendidik dan pelajar menunjukkan minat yang cukup tinggi dalam inovasi sebagai pengisian dalam masa pandemik Covid-19 sejajar dengan pembelajaran atas talian, tanpa bersemuka dan dengan kos yang berhemah.

### **SENARAI BUKTI :**



1. [4.5\\_BUKTI 1 EDU.pdf](#)
2. [4.5\\_BUKTI 2.pdf](#)

## **KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA**

### **5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Sumber manusia menjadi tunjang dan asas kepada perjalanan dan pembangunan sesebuah organisasi. Bagi memastikan kelestarian kewujudan Fakulti Pendidikan, aspek yang diberi penekanan berkaitan pengajaran dan pembelajaran berkaitan kriteria tumpuan kepada sumber manusia adalah kepada mencapai perkembangan profesionalisme staf akademik mahupun pertadbiran. Aspek peningkatan profesionalisme ini sangat berkait dengan penambahbaikan kualiti berkaitan pengajaran dan pembelajaran di Fakulti Pendidikan. Di samping itu, pihak Fakulti juga mengambil kira tahap kepuasan staf terhadap pentadbiran fakulti yang dianggap penting dalam memastikan inisiatif – inisiatif berkaitan dapat direalisasikan. Sebagai salah satu daripada asas rujukan dalam memandu pelaksanaan perkembangan profesionalisme staf, pertunjuk prestasi (*PI*) di dalam perancangan strategik fakulti telah menjadi asas rujukan utama. Usaha dalam mencapai *PI* juga mengambilkira kesetaraan beban tugas pensyarah, kesesuaian gred pensyarah terlibat dan latihan yang diterima oleh pensyarah sepanjang tahun 2019-2020.

## 5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pada tahun 2019/2020, Fakulti Pendidikan mempunyai seramai 89 orang staf akademik berbanding 86 pada tahun 2018. Daripada jumlah ini seramai 11 orang pensyarah program TESL telah dipinjamkan ke Pusat Asasi Dengkil bagi mengendalikan program Asasi TESL di sana. Pada setiap tahun, FP mengguna pakai data penggunaan sumber manusia melalui 2 sumber: (1) Data Amanah Tugas Pensyarah Mengikut Semester (ATP) & (2) Input daripada Ketua Program dan Ketua Pusat Pengajian. Adalah menjadi suatu kewajipan bagi setiap PTJ bagi menggunapakai inisiatif atau dasar yang telah ditetapkan oleh UiTM. Berkaitan ATP contohnya, Pekeliling Akademik Bil. 5/2017 merupakan suatu arahan dan garis panduan yang diturunkan oleh Timbalan Naib Canselor Akademik & Antarabangsa kepada semua PTJ dalam menambahbaik proses pengiraan ATP staf akademik di fakulti (**Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 1**).

Dua tujuan pelaksanaan ATP 3.0 adalah untuk:

- (i) Memastikan pelaksanaan ATP adalah selari dengan polisi UiTM serta KPM
- (ii) Memberi maklumat kepada PTJ.

**Penglibatan sumber manusia** untuk menjayakan bidang tumpuan pilihan dalam **3 PROJEK UTAMA** Fakulti Pendidikan. 3 Projek Utama fakulti Pendidikan ialah **PANdemic-EduX**, **EDU-Empower** dan **Edu-Intellect**. Untuk menjayakan bidang tumpuan 3 projek utama ini, Sumber Manusia membimbing staff didalam:

### 1. MyATP

Dalam memastikan pegimplementasian ATP 3.0 dijalankan di peringkat Fakulti Pendidikan, Timbalan Dekan Akademik dan Penolong Pendaftar Akademik memainkan peranan dalam membuat pemakluman, peringatan, pengumpulan dan merekod maklumat ATP yang telah di isi. Selain itu, seminar **Klinik MY ATP (Rujuk BUKTI 2: Gambarajah 2)**. Proses ini dilakukan dengan turutan yang ditunjukkan dalam carta alir (**Rujuk BUKTI 2: Carta 1**). Kitaran pengendalian ATP juga ditubuhkan untuk staf Fakulti Pendidikan.

Selain itu, pelunjuran yang telah dibuat oleh pihak UiTM melalui Pekeliling Akademik Bil 10 Tahun 2018 (**Rujuk BUKTI 2: Gambarajah 3**). Keperluan Tenaga Pengajar Mengikut Kursus - sebagai bukti berlakunya proses analisa keperluan sumber manusia di Fakulti Pendidikan.

### 2. Kepakaran staff melalui lantikan akademik

Salah satu daripada usaha dalam meningkatkan kepakaran pensyarah di Fakulti Pendidikan, perancangan strategik Fakulti Pendidikan turut mengambilkira keperluan untuk melibatkan pensyarah dalam program yang melibatkan industri dan komuniti. Inisiatif ini telah berjaya diterjemahkan dalam bentuk lantikan sebagai syarahan tamu, pembentang ucapnama, sangkutan latihan industri dan pakar rujuk. Perancangan ini dapat dilihat di dalam Dokumen Perancangan Strategik dan Pencapaian Perancangan Strategik 2019/2020 di bawah Output 5, Pengiktirafan Staf Akademik dalam pengajaran dan pembelajaran. (**Rujuk BUKTI 3: Jadual 1**).

Bagi aspek pemantauan dan analisa dapatan daripada program yang telah dijalankan, PTJ Fakulti Pendidikan telah meletakkan KPI yang perlu dicapai semasa staf menjalankan sangkutan industri atau program outbound. KPI ini termasuk menjalankan program usahasama di antara Fakulti Pendidikan dan industri/institusi terlibat, penerbitan berindeks dan sesi perkongsian bersama staf akademik di fakulti setelah selesai tempoh sangkutan tersebut. KPI ini boleh dirujuk di dalam surat lantikan yang disertakan sebagai rujukan. (**Rujuk BUKTI 3: Gambarajah 4 dan Gambarajah 5**).

**3. Data bilangan pelajar semasa dan pengambilan pelajar semester baharu. (Rujuk BUKTI 4: Jadual 2 dan Jadual 3)** iaitu Bilangan ambilan pelajar Sarjana Muda oleh Fakulti Pendidikan pada sesi 2019/2020 dan juga Bilangan pelajar Pasca Siswazah mendaftar dan bilangan pelajar yang ditawarkan tempat di Fakulti Pendidikan pada tahun 2019/2020.

**SENARAI BUKTI:**

1. [5.2\\_BUKTI 1.pdf](#)
2. [5.2\\_BUKTI 2.pdf](#)
3. [5.2\\_BUKTI 3.pdf](#)
4. [5.2\\_BUKTI 4.pdf](#)

## 5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

### PENGHARGAAN DAN PENGIKTIRAFAN

PTJ Fakulti Pendidikan sentiasa mengambil pendekatan yang proaktif dalam memastikan sumber manusia di Fakulti Pendidikan terus bermotivasi dalam menjalankan pekerjaan dan meningkatkan kualiti kerja mereka. Pendekatan ini dapat dilihat melalui beberapa inisiatif seperti:

#### 1. Sokongan kenaikan pangkat staf yang berkecukupan

Pihak pengurusan Fakulti Pendidikan sangat berdedikasi dalam memberi sokongan bagi staf yang berkecukupan untuk naik pangkat. Bagi perkara ini, sokongan kenaikan pangkat staf ditentukan oleh Jawatan Kuasa Kecil Kesepakatan Fakulti (**Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 6 dan Gambarajah 7**).

#### 2. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang juga dapat mengoptimalkan kepakaran dan pengalaman sumber manusia bagi menjayakan bidang Pengajaran dan Pembelajaran (**Rujuk BUKTI 2: Gambarajah 8**).

Selain Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, Fakulti Pendidikan juga meraikan dan memberi penghargaan kepada staf fakulti yang menerima penganugerahan lain sama ada di peringkat fakulti, kebangsaan mahupun di peringkat antarabangsa. Penghargaan ini dilakukan seperti mewarwarkan di dalam Whatsapp Group Fakulti Pendidikan, Email Staf Fakulti Pendidikan, Facebook Fakulti Pendidikan serta webpage Fakulti Pendidikan. Contoh Anugerah seperti University Academic Awards (AAU) dan E-Content Awards. (**Rujuk BUKTI 2: Gambarajah 9 dan Gambarajah 10**).

#### 3. Anugerah Akademik

Bagi inisiatif ketiga, berdasarkan bidang tumpuan yang dipilih 2019/2020, Fakulti Pendidikan turut memberikan penghargaan kepada staf yang menunjukkan prestasi yang cemerlang dari segi aspek pengajaran dan pembelajaran. (**Rujuk BUKTI 3: Jadual 4 dan Gambarajah 11**).

#### 4. Majlis Apresiasi Staf Fakulti

Dalam menentukan penerima anugerah bagi setiap jabatan, penilaian SUFO bagi setiap pensyarah di analisa oleh Timbalan Dekan Akademik. Data yang dianalisa dibandingkan di antara pensyarah. Pemberat SUFO yang diberikan adalah sebanyak 70% manakala 30% diberikan oleh Ketua Pusat Pengajian, Timbalan Dekan Akademik dan Dekan. Penilaian yang dibuat oleh pengurusan tertinggi memerlukan penilaian ke atas hasil kerja berkaitan pengajaran dan pembelajaran yang telah dijalankan oleh pensyarah yang telah disenarai pendek daripada setiap jabatan. Pemberian anugerah kepada pensyarah melalui majlis apresiasi staf telah menjadi acara tahunan selama dua tahun berturut – turut sejak 2017. Pembudayaan pemberian anugerah kepada staf ini telah berjaya mewujudkan budaya persaingan yang sihat di kalangan staf akademik di fakulti.

Pihak pengurusan Fakulti Pendidikan juga sangat berdedikasi dalam memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada staf baik di bahagian akademik mahupun di bahagian pentadbiran. Ini dapat dibuktikan melalui penganjuran Majlis Apresiasi Staf pada setiap tahun. Kali terakhir majlis seperti ini dianjurkan adalah pada tahun 2019 di mana pada majlis tersebut, 13 anugerah telah diberikan. Antara anugerah-anugerah tersebut adalah Anugerah Staf Pentadbiran Berinovasi, Anugerah Perundingan Staf Tertinggi, Anugerah Pengukuhan Keusahawanan dan Anugerah Pemerkasaan Akademik. (**Rujuk BUKTI 4: Jadual 5 dan Gambarajah 12**) menunjukkan senarai pemenang bagi setiap anugerah Majlis Apresiasi Staf 2019 bertempat di Hotel UiTM Puncak Alam. Setiap pemenang menerima piala dan sijil

penghargaan.

**SENARAI BUKTI :**

1. [5.3\\_BUKTI 1.pdf](#)
2. [5.3\\_BUKTI 2.pdf](#)
3. [5.3\\_BUKTI 3.pdf](#)
4. [5.3\\_BUKTI 4.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

#### **1. HAPPINESS INDEX**

##### **TAHAP KEPUASAN TENAGA KERJA FAKULTI PENDIDIKAN - HAPPINESS INDEX 2019/2020**

Dalam memastikan keperluan fizikal dan emosi staf akademik dan pentadbiran di Fakulti Pendidikan terjamin, Fakulti Pendidikan menggunakan inisiatif yang dijalankan oleh pihak UiTM melalui pengukuran Indeks Kegirangan (Happiness Index) yang telah dilaksanakan dari 2017. Pendekatan ini di sambut baik oleh PTJ dan warga fakulti yang melihat medium ini sebagai platform untuk menzahirkan pendapat secara objektif dan profesional. Maklum bahawa pelaksanaan Happiness Index ini dijalankan di semua jabatan, fakulti dan kampus cawangan di seluruh Malaysia. Bermakna ianya bukan sahaja memberikan maklumat mengenai sebuah organisasi kecil di dalam UiTM sebaliknya data yang dibuat secara kolektif boleh menggambarkan tahap kegirangan staf kepada UiTM secara keseluruhannya.

Melalui sokongan jitu yang diberikan, PTJ di Fakulti Pendidikan memastikan ke semua staf di fakulti untuk menjalankan tanggungjawab bagi menjawab survey yang dibuat. Peringatan yang dibuat melalui email dan kumpulan whatsapp fakulti merupakan antara bentuk pemantauan dan penguatkuasaan yang telah dijalankan. Berdasarkan data yang diperolehi, pencapaian keseluruhan Happiness Index Fakulti Pendidikan pada tahun 2020 direkodkan pada tahap 74%. Pencapaian ini meningkat sebanyak 7% daripada dapatan yang diperolehi Fakulti Pendidikan pada tahun 2018 iaitu sebanyak 67% namun masih tidak mencapai sasaran Indeks Kegirangan UiTM iaitu sebanyak 80%. Jadual berikut menunjukkan beberapa indeks khusus bagi domain yang dikaji. **(Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 13).**

#### **2. PERSEKITARAN KERJA DAN SISTEM KERJA YANG KONDUSIF**

Oleh kerana tiada kajian Happiness Indeks dilakukan pada tahun 2019, tidak dapat dipastikan bahawa adakah staf Fakulti Pendidikan gembira bekerja di tempat kerja pada tahun tersebut. Namun, Happiness Indeks yang dijalankan pada tahun 2020, semasa pandemik COVID-19 melanda, menunjukkan peningkatan dalam kesemua domain. Hal ini mungkin berpunca daripada keadaan staf Fakulti Pendidikan yang terpaksa bekerja dari rumah bermula bulan March 2020. Namun, hal ini menyumbang kepada Emosi Positif menjadi antara domain yang paling rendah. **(Rujuk BUKTI 2: Gambarajah 14 dan 15).** Bagi aset dan Fasiliti Fakulti Pendidikan, beberapa kemudahan dan penambahbaikan di bangunkan oleh Fakulti Pendidikan untuk memberi keselesaan dan keperluan yang cukup bagi proses pengajaran dan pembelajaran yang kondusif terutama untuk pelajar dan staf akademik. **(Rujuk BUKTI 2: Gambarajah 16, 17 dan 18).**

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [5.4.1\\_BUKTI\\_1.pdf](#)
2. [5.4.1\\_BUKTI\\_2.pdf](#)

## 5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

**Pengurusan risiko** dilaksanakan dalam pengurusan sumber manusia bagi memastikan kepuasan hati sumber manusia dapat diatasi dengan baik dan sistematik. Ini adalah merupakan salah satu usaha berterusan pihak pengurusan Fakulti Pendidikan agar penambahbaikan dapat dilaksanakan dari masa ke masa. Tindakan yang cepat dan setimpal dapat diambil dengan adanya sistem ini dan seterusnya penyampaian perkhidmatan sumber manusia yang cekap dapat dilaksanakan. Sebarang laporan tidak kepuasan hati akan diambil tindakan mengikut prosedur yang telah ditetapkan. Jika terdapat sebarang aduan, daripada kalangan warga Fakulti Pendidikan, pihak pengurusan telah menambahbaik kualiti tindakan yang diambil dengan mempercepatkan penyelesaian kepada masalah yang dilaporkan. Sebagai contoh, jika terdapat kerosakan di dalam bilik kuliah seperti projector yang tidak berfungsi, pensyarah boleh terus menghubungi pegawai teknikal yang bertanggungjawab menerusi nombor telefon yang telah dipamerkan di sisi projektor tersebut. Pegawai teknikal akan segera ke lokasi bilik kuliah untuk tujuan baikpulih. **(Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 19)** di bawah proses pengurusan risiko yang diamalkan Fakulti Pendidikan seperti yang dicadangkan Unit Pengurusan Risiko, UiTM.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [5.4.2\\_BUKTI 1.pdf](#)



### **5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

**Tindakan yang diambil** bagi memastikan persekitaran kerja dan sistem kerja yang kondusif. bagaimana pengurusan bertindak kepada maklumbalas sumber manusia untuk penambahbaikan. Adalah penting bagi Fakulti Pendidikan dalam mengurus sumber manusia dengan baik bagi memastikan tahap kompetensi dan profesionalisme mereka dapat ditambahbaik. (**Rujuk BUKTI 1: Jadual 6**) menunjukkan inisiatif yang telah dilakukan pihak pentadbiran Fakulti Pendidikan dalam usaha menambahbaik dan mencegah isu-isu yang timbul. Melalui inisiatif – inisiatif yang telah dijalankan, pihak fakulti amat positif bahawa usaha ini akan terus menyumbang kepada pembangunan fakulti dalam memacu pengajaran dan pembelajaran yang efektif dalam menghasilkan tenaga pengajar yang mampan.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [5.4.3\\_BUKTI 1.pdf](#)

## 5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

**Amalan pembudayaan** dan inovasi yang terhasil daripada tindakan yang dinyatakan di atas menyebabkan Fakulti Pendidikan sangat proaktif dalam memberikan jalan penyelesaian yang pantas. Contohnya, apabila negara berada di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sepanjang tahun 2020, beberapa risiko telah dikenalpasti terutamanya yang melibatkan keberadaan staf sepanjang bekerja dari rumah (Work from Home: *WFH*). Sepanjang tempoh *WFH*, staf dikehendaki melaporkan diri secara dalam talian. Risiko yang telah dikenalpasti apabila staf merekodkan keberadaan mereka secara dalam talian dan risikonya apabila lupa untuk ketik waktu masuk dan waktu keluar berkerja. Justeru, satu sistem telah direka oleh Ketua Unit Infrastruktur dan Infostruktur, Encik Cheong Tau Han di mana peringatan akan diberikan kepada staf melalui aplikasi telegram. Peringatan untuk ketik masuk sistem HR2U akan diberikan pada jam 7.30 pagi dan peringatan ketik keluar pula dikeluarkan dua kali pada jam 5.00 petang dan 10.00 malam. **(Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 20)** di bawah menunjukkan peringatan melalui aplikasi telegram seperti yang dinyatakan.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [5.5\\_BUKTI 1.pdf](#)

## **KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI**

### **6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Fakulti Pendidikan dalam usahanya bagi memberi kualiti perkhidmatan yang berkesan, efisien dan sistematik dalam bidang Pengajaran dan Pembelajaran yang sentiasa menekankan kepentingan menjalankan semua aktiviti menurut prosedur operasi yang ditetapkan. Ini bagi mengekalkan kawalan kualiti ke atas proses pengajaran dan pembelajaran yang menjadi “core-business” atau perkhidmatan teras Fakulti Pendidikan.

Fakulti Pendidikan menyetujui inisiatif yang dipilih dibawah tiga projek utama iaitu; **PANdemic Edu-X**, **EDU-Empower** dan **Edu-Intellect**. Secara umumnya, ketiga-tiga inisiatif ini menyumbang kepada pentadbiran dan perkhidmatan akademik, terutama sekali perkhidmatan serta pentadbiran pengajaran dan pembelajaran dan juga pengurusan sumber manusia serta kawalan risiko. Dalam membincangkan skop Operasi, antara elemen yang dilihat adalah bagaimana sesebuah organisasi merancang, mengurus, meningkatkan, dan menginovasikan program pendidikannya dan perkhidmatan serta proses kerja bagi meningkatkan keberkesanan operasi.

Di bawah **PANdemic Edu-X**, pelbagai inisiatif telah di ambil oleh Fakulti Pendidikan bagi menangani norma baharu berikutan teretusnya pandemik COVID-19. Antara aktiviti/projek di bawah inisiatif ini adalah penyediaan platform pemantauan ODL (Open Distance Learning) yang merangkumi beberapa proses penting di dalam aspek pengajaran dan pembelajaran secara atas talian. Ciri-ciri platform ini termasuk penyediaan borang maklumat terperinci perjalanan P&P secara atas-talian yang perlu dilengkapkan dan dimuatnaik oleh setiap pensyarah bagi setiap kelas yang dilaksanakan mengikut jadual waktu yang telah disediakan pada awal semester. Ini bagi memastikan mutu kualiti serta kandungan kursus yang disampaikan adalah konsisten dan setara dengan P&P yang di adakan secara bersemuka.

Selain dari itu, satu lagi sistem atas talian yang telah diperkenalkan adalah sistem temuduga kemasukan pelajar baru secara atas talian “temuduga ON9” yang merangkumi pengendalian temuduga di peringkat ASASI, ISMP dan juga Pasca-Siswazah. Ini turut merupakan inisiatif yang amat penting dan berkesan memandangkan kesemua program di Fakulti Pendidikan adalah program kemasukan bertemuduga. Dengan cara ini, Fakulti telah dapat mengekalkan kesinambungan pengambilan pelajar secara konsisten sepertimana semester-semester sebelum terjadinya pandemik COVID-19.

Inisiatif **EDU-Empower** pula menyetujui projek-projek yang bersifat pemerksaan staf dan juga pelajar bagi tujuan meningkatkan prestasi, pengetahuan dan pendedahan yang bersifat serampang dua mata. Ia bukan sahaja bermanfaat kepada warga fakulti, malah secara tidak langsung ia menyumbang kepada pencapaian KPI Fakulti Pendidikan dan Universiti secara keseluruhannya. Di bawah pemerksaan staf, antara program yang dijalankan adalah “Visiting Scholar”, kolaborasi di peringkat nasional bersama Pusat Kanak-Kanak Tuanku Bainun, Pertandingan Inovasi (iVEDIIC2020) dan aktiviti berbentuk penerbitan, konsultasi serta perolehan geran penyelidikan. Bagi pemerksaan pelajar pula, aktiviti yang dilaksanakan antara lain adalah program mobiliti pelajar, pertandingan inovasi (EiCD), (UMC), (SCITECH) dan pameran Visual Art & Design.

**Edu-Intellect** merangkumi aktiviti-aktiviti yang merangsang perkembangan intelek di kalangan warga pendidik dan juga pelajar. Di antaranya adalah Seminar Kebangsaan Majlis Dekan-Dekan Universiti Awam Malaysia 2019, Seminar Seni Antarabangsa, Kolokium Antarabangsa Pasasiswazah Pendidikan Seni dan Professorial Webinar Series. Setiap aktiviti yang menyumbang kepada penambahan ilmu di kalangan warga FPend ini juga telah diubah kepada pengendalian di atas talian.

Pihak Fakultas Pendidikan menggunakan kriteria kecemerlangan prestasi Baldrige dalam mengukur keberkesanan setiap proses / inisiatif yang dilaksanakan. Kerangka ini yang digunakan secara meluas oleh pelbagai organisasi untuk meningkatkan prestasi keseluruhan adalah berdasarkan pendekatan **ADLI (Approach, Deployment, Learning & Integration)**.

## 6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Fakulti Pendidikan mendukung Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) yang menjadi tulang pengurusan dan pentadbiran keseluruhan UiTM. Pendekatan (Approach) yang digunakan oleh FPend bagi ketiga-tiga projek utama yang disenaraikan iaitu; **PANdemic Edu-X, EDU-EMpower, Edu-Intellect (Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 1)** poster ketiga-tiga inisiatif yg senaraikan adalah **berasaskan tumpuan kepada pelanggan ('customer-focused results')** serta **pendekatan penambahbaikan berterusan ('continuous improvement')** di mana pihak pengurusan Fakulti Pendidikan sentiasa melihat kepada proses kerja keseluruhan dalam pengendalian projek dan inisiatif yang dilaksanakan bagi memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada pelajar (**Rujuk BUKTI 2: Carta 1: diagram tentang 'continuous improvement'**). Ini amat berkait rapat dengan model kitaran empat langkah PDCA-'**Plan-Do-Check-Act'** yang tertumpu kepada usaha meningkatkan proses atau perkhidmatan, dan untuk menyelesaikan permasalahan di dalam sesebuah organisasi.

Inisiatif **PANdemic-EduX**, yang merupakan tindakbalas segera oleh pihak pentadbir akademik Fakulti dalam menangani isu P&P sewaktu negara dilanda pandemik COVID-19 di awal tahun 2020. Bagi memastikan kualiti serta mutu Pengajaran dan Pembelajaran yang diterima oleh pelajar adalah konsisten dan menepati standard yang telah dijanjikan, pihak pejabat Timbalan Dekan Akademik telah mengambil inisiatif penambahbaikan berterusan dengan memastikan P&P dilaksanakan dengan berkesan. Salah satu pendekatan yang diambil adalah dengan melaksanakan platform laporan ODL di mana setiap pensyarah harus memuatnaik perincian P&P yang telah dilaksanakan beserta bukti yang konkrit – dan semua ini akan dipantau oleh Ketua Program/Kordinator, Ketua Pusat Pengajian dan Timbalan Dekan Akademik. (**Rujuk BUKTI 3: Gambarajah 2**)

Selain dari itu, satu lagi inisiatif penambahbaikan berterusan yang dilaksanakan oleh Fakulti Pendidikan adalah melalui pengenalan sistem temuduga kemasukan pelajar baru secara atas talian bagi menggantikan temuduga secara bersemuka. Penyediaan platform serta arahan kepada calon dan juga panel penemuduga telah dapat dilaksanakan walau di dalam masa yang singkat bagi memastikan proses pengambilan pelajar dapat berjalan seperti mana yang dirancang. (**Rujuk BUKTI 4: Gambarajah 3**).

Begitu juga dengan pengendalian program-program dibawah inisiatif **EDU-Empower** dan **Edu-Intellect**, di mana pendekatan penambahbaikkkan berterusan menjadi teras bagi perjalanan kebanyakan program yang berbentuk perkongsian maklumat dan seminar di mana perjalanan program-program telah dikaji dan dilihat semula oleh Pejabat Timbalan Dekan Jaringan beserta Pejabat Timbalan Dekan Akademik, dan seterusnya format pengendalian yang berbentuk 'face-to-face' telah diubah kepada format atas talian. (**Rujuk BUKTI 5: Gambarajah 4: poster-poster berkaitan program-program di bawah inisiatif Edu-Intellect dan EDU-EMpower – secara atas talian**). Di bawah pemerkasaan staf, antara aktiviti2 yang dijalankan adalah "Visiting Scholar" dan kolaborasi di peringkat nasional bersama Pusat Kanak-Kanak Tuanku Bainun, Pertandingan Inovasi (iVEDIIC 2020) dan aktiviti berbentuk penerbitan, konsultasi serta perolehan geran penyelidikan. Bagi pemerkasaan pelajar pula, aktiviti yang dilaksanakan antara lainya adalah program mobiliti pelajar, pertandingan inovasi (EiCD), (UMC), (SCITECH) dan pameran Visual Art & Design. Selain itu, aktiviti-aktiviti yang merangsang perkembangan intelek dikalangan warga pendidik dan juga pelajar seperti Seminar Kebangsaan Majlis Dekan-Dekan Universiti Awam Malaysia, 2019, Seminar Seni Antarabangsa, Kolokium Antarabangsa Pasasiswazah Pendidikan Seni dan Professorial Webinar Series turut di adakan, namun, setiap aktiviti yang menyumbang kepada penambahan ilmu di kalangan warga FPend ini telah pun diubah kepada pengendalian atas talian sebagai langkah menangani norma baru akibat pandemik COVID-19.

**SENARAI BUKTI:**

1. [6.2\\_BUKTI 1.pdf](#)
2. [6.2\\_BUKTI 2.pdf](#)
3. [6.2\\_BUKTI 3.pdf](#)
4. [6.2\\_BUKTI 4.pdf](#)
5. [6.2\\_BUKTI 5.pdf](#)

### 6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Setelah memperincikan pendekatan yang menjadi teras kepada pengendalian projek-projek di bawah inisiatif **PANdemic Edu-X, EDU-EMpower, Edu-Intellect**, seterusnya akan dibincangkan pula aspek **perluasan atau 'deployment'** yang menerangkan proses tindakan memperkenalkan segala bentuk penyelesaian/platform atau perkhidmatan terkini kepada organisasi secara terkoordinasi. Konsep perluasan ini selalunya dinilai berdasarkan sejauh mana pendekatan sesuatu inisiatif itu digunapakai di seluruh organisasi. Ini dapat dilihat melalui penglibatan, pengurusan, pengembangan sumber daya manusia yang lebih efisien dan kondusif, di mana semua inisiatif yang dilaksanakan oleh Fakulti dapat disebarikan secara menyeluruh dengan meminimumkan kelemahan atau jurang di antara setiap individu dalam jabatan. Dengan cara ini pengurusan tertinggi dapat memastikan maklumat dan sasaran yang terkini dapat sampai kepada setiap warga Fakulti.

Perluasan yang berjaya bukan sahaja bergantung kepada perancangan dan pemantauan yang baik, malah lebih kepada penyaluran maklumat melalui saluran komunikasi yang efisien kepada keseluruhan warga Fakulti Pendidikan. Memang tidak dapat dinafikan bahawa komunikasi sistematik adalah bahagian yang amat penting dalam pengurusan perluasan/penyebaran informasi di dalam sesebuah organisasi agar dapat memastikan pemahaman secara konsisten berkaitan inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan di kalangan keseluruhan warga Fakulti Pendidikan.

Bagi inisiatif **PANdemic Edu-X**, yang menjurus kepada pemantauan P&P di era norma baru akibat pandemik COVID-19, melalui platform ODL dan juga proses temuduga pengambilan pelajar yang berbentuk atas talian '*online-interview*' perluasan atau penyampaian maklumat terkini kepada semua warga yang terlibat telah dilaksanakan secara sistematik dan berfokus. Ini dapat dilihat melalui proses carta alir yang merangkumi perbincangan awal dikalangan pengurusan tertinggi Fakulti Pendidikan diikuti dengan pembahagian tugas dan tanggungjawab kepada PTJ yang berkenaan (En.Cheong dalam menyediakan platform) - mesyuarat berperingkat dalam memperincikan proses-proses baru yang bakal dilaksanakan (TDA, KPP dan KP) – pengendalian ujilari '*trial-run*' bagi sistem – dan akhir sekali pemberitahuan atau pemakluman kepada semua warga yang terlibat. (**Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 5**). Bagi memastikan proses-proses yang berkaitan berjalan sepertimana yang dirancang, pemantauan berterusan juga dilaksanakan oleh pejabat-pejabat Timbalan Dekan yang berkaitan di mana semua informasi penting dikongsi bersama warga samada melalui pengedaran Memo makluman, peringatan melalui e-mail, juga di dalam group Whatsapp dan Telegram rasmi Fakulti Pendidikan. (**Rujuk BUKTI 2: Gambarajah 6**)

Pendekatan yang sama juga digunakan bagi tujuan perluasan projek-projek di bawah inisiatif **EDU-EMpower** dan **Edu-Intellect**. Kedua-dua inisiatif yang telah disebutkan juga menggunakan proses-proses yang sama bermula dari perancangan ('*planning*') sehinggalah perluasan ('*deployment*') di mana maklumat bagi setiap aktiviti yang telah dirancang (rujuk senarai di bawah), telah dimaklumkan dan disampaikan kepada setiap warga agar segala inisiatif yang dijalankan dapat memberi manfaat kepada semua.

#### Inisiatif EDU-EMpower

- Aktiviti pemerksaan staf - "Visiting Scholar" dan kolaborasi di peringkat nasional bersama Pusat Kanak-Kanak Tuanku Bainun, Pertandingan Inovasi (iVEDIIC2020) dan

aktiviti berbentuk penerbitan, konsultasi serta perolehan geran penyelidikan.

- Aktiviti pemeraksanaan pelajar program mobiliti pelajar, pertandingan inovasi (EiCD), pertandingan matematik (UMC) , pertandingan sains (SCITECH) dan pameran Visual Art & Design.

### **Inisiatif Edu-Intellect**

- Seminar Kebangsaan Majlis Dekan-Dekan Universiti Awam Malaysia,2019, Seminar Seni Antarabangsa, Kolokium Antarabangsa Pasasiswazah Pendidikan Seni dan Professorial Webinar Series.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [6.3\\_BUKTI 1.pdf](#)
2. [6.3\\_BUKTI 2.pdf](#)
- 3.



## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Dalam memastikan kelestarian pencapaian bidang tumpuan pilihan dicapai, Fakulti Pendidikan sentiasa memastikan pemantauan berterusan dilakukan ke atas bidang tumpuan pilihan semasa pandemic COVID19.

Sebagai contoh, bagi bidang tumpuan pertama, Projek **PAN-EduX**, pemantauan dilaksanakan melalui sistem-sistem yang dibangunkan di Fakulti. Di antaranya adalah pemantauan perjalanan ODL di mana pensyarah perlu melengkapkan laporan untuk setiap kelas yang dijalankan (**Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 7**).

Di bawah bidang tumpuan pertama juga adalah sistem yang dibangunkan untuk mengendalikan proses temuduga calon pelajar Fakulti Pendidikan. Pemantauan pengendalian proses ini dimulakan dengan sesi taklimat oleh Timbalan Dekan Akademik dan Ketua Infostruktur Fakulti mengenai sistem yang digunakan (**Rujuk BUKTI 2: Gambarajah 8**). Semasa sesi temuduga dijalankan, maklumat yang dimasukkan ke dalam sistem disaring dan dipantau oleh Ketua Infostruktur Fakulti. Sekiranya terdapat sebarang masalah pengendalian, Ketua Infostruktur Fakulti akan berhubung terus dengan ahli panel penemuduga. Proses yang dijalankan ini juga meminimalkan risiko terhadap proses temuduga pelajar baru Fakulti Pendidikan.

Salah satu projek yang termasuk di dalam bidang tumpuan kedua adalah projek yang dilaksanakan sepenuhnya oleh Persatuan Pelajar Pendidikan Matematik (MESA) iaitu Ultimate Mathematics Challenge secara tahunan. Pertandingan ini merupakan pertandingan matematik yang terbuka kepada para pelajar sekolah menengah. Memandangkan projek ini merupakan aktiviti tahunan persatuan MESA, pemantuan perlu berlaku untuk mengambilkira aspek penambahbaikan yang boleh dilakukan. Pemantauan ini berlaku dengan mengedarkan borang maklum balas peserta untuk mengetahui aspek yang boleh ditambahbaik pada pertandingan akan datang (**Rujuk BUKTI 3: Gambarajah 9: Bahan Bukti Borang Maklum Balas**).

Di dalam keadaan pra dan sewaktu pandemik COVID19 ini, Fakulti Pendidikan tetap komited dalam memastikan kelangsungan pembangunan professional staf akademik dan pentadbirannya. Di dalam usaha ini, pelbagai program telah dijalankan di bawah bidang tumpuan yang ketiga iaitu EDU-Intellect. Di antara program yang dijalankan termasuklah program Professional Webinar Series. Tidak dinafikan, pandemik ini membuka banyak peluang untuk staf Fakulti Pendidikan untuk terlibat sebagai penceramah untuk siri webinar. Pemantauan terhadap kualiti seminar bersemuka pra pandemik dan webinar yang dijalankan semasa pandemik dijalankan dengan memberikan borang maklumbalas kepada para peserta. Borang yang diedarkan ini mengambilkira maklumbalas peserta tentang kandungan, penceramah dan penambahbaikan yang boleh diambil (**Rujuk BUKTI 4: Gambarajah 10: Borang Maklumbalas seminar/webinar**).

### **SENARAI BUKTI:**

1. [6.4.1\\_BUKTI 1.pdf](#)
2. [6.4.1\\_BUKTI 2.pdf](#)
3. [6.4.1\\_BUKTI 3.pdf](#)
4. [6.4.1\\_BUKTI 4.pdf](#)

## 6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Sistem pengurusan kualiti ISO mentakrifkan risiko sebagai perkara yang berlaku di luar jangkaan. Sesebuah organisasi akan berfungsi dengan lebih cekap sekiranya organisasi itu melakukan pengurusan risiko dengan berkesan. Bahagian penulisan ini akan bertumpu kepada pengenalanpastian risiko bagi bidang tumpuan yang telah dipilih.

Untuk bidang tumpuan pertama iaitu **PAN-EduX**, salah satu proses yang diberikan tumpuan adalah proses pengajaran dan pembelajaran secara ODL. Ini merupakan perkara utama yang perlu dianalisa risikonya dari segi pelaksanaan memandangkan ianya adalah sesuatu yang baru bagi semua pemegang taruh. Risiko yang dinilai adalah berdasarkan kepada keadaan di mana sesi kuliah tidak lagi boleh dipantau secara bersemuka. Pada awal proses implementasi ODL, terdapat risiko di mana kualiti PnP akan terjejas berikutan mod pengajian adalah secara ODL. Penilaian risiko dan pelan tindakan ini berlangsung di dalam sesi mesyuarat JAF (**Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 11: Minit mesyuarat JAF mengenai sistem pemantauan ODL**).

Masih di dalam bidang tumpuan yang pertama iaitu PAN-EduX, pengurusan risiko juga berlaku untuk proses temuduga pengambilan pelajar baru Fakulti Pendidikan. Memandangkan keadaan pandemik yang menyebabkan proses bersemuka tidak boleh dilakukan, penilaian risiko dijalankan semasa mesyuarat Timbalan Dekan Akademik bersama Ketua-ketua Pusat Pengajian dan Koordinator-koordinator Program. (**Rujuk BUKTI 2: Gambarajah 12: Minit mesyuarat**). Ini adalah kerana penilaian yang perlu dijalankan secara maya adalah sesuatu yang baru untuk semua pemegang taruh yang terlibat. Jika selama ini temuduga secara bersemuka dijalankan dan ahli panel boleh bertanyakan soalan secara terus, kini tidak lagi. Jadi, terdapat keperluan untuk melakukan penilaian terhadap risiko, dan ini berlaku semasa sesi mesyuarat di atas.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [6.4.2\\_BUKTI 1.pdf](#)
2. [6.4.2\\_BUKTI 2.pdf](#)

### 6.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Dalam pengurusan sistem kualiti yang berkesan, setelah risiko dikenalpasti, tumpuan operasi perlu dianalisa untuk tujuan penambahbaikan. Hasil penganalisaan kemudiannya diambil tindakan dengan efisien dan efektif dan seterusnya dikongsi dengan warga jabatan.

Di dalam bidang tumpuan pertama iaitu **PAN-EduX**, sistem yang dibangunkan untuk memantau perjalanan kuliah secara ODL untuk tindakan kawalan risiko turut dianalisa secara mingguan dan laporannya dikongsi dengan warga jabatan secara berperingkat. Laporan dihantar kepada pihak pengurusan mengikut jabatan dan setiap pensyarah juga menerima laporan pengendalian ODL mereka secara individu (**Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 13: Laporan ODL**). Laporan yang diterima oleh pihak pengurusan memberi gambaran keseluruhan pengendalian ODL yang merangkumi platform yang digunakan oleh pensyarah, pensyarah yang tidak mengisi borang pemantuan sistem ODL, masalah yang dihadapi oleh pensyarah dan juga indikasi kehadiran ke kuliah ODL. Analisa yang diterima oleh pihak pengurusan ini membantu pihak pengurusan untuk mengambil tindakan yang sewajarnya sekiranya terdapat ruang untuk penambahbaikan. Tindakan penambahbaikan ini biasanya dikongsi bersama warga melalui memo peringatan yang dikeluarkan oleh pejabat Timbalan Dekan Akademik (**Rujuk BUKTI 2: Gambarajah 14: Bukti memo peringatan daripada TDA tentang pengendalian kuliah**).

Sistem kedua yang menjalani analisa dan penambahbaikan adalah proses temuduga pelajar secara online yang di dalam bidang tumpuan pertama iaitu PAN-EduX. Untuk pengambilan pelajar pada bulan Mac iaitu pelajar dari pengambilan 'open-system' UiTM, pihak Fakulti menyedari bahawa tiada markah merit yang diberikan kepada pencapaian akademik calon, di mana markah sepenuhnya diberikan kepada video yang dihantar oleh calon. Walaupun situasi yang sama berlaku semasa waktu pra pandemik, calon menghadapi temuduga secara bersemuka dan proses ini lebih 'reliable' berbanding dengan penilaian video semata-mata. Penambahbaikan dicadangkan untuk pihak fakulti juga mengambilkira pencapaian akademik calon semasa sesi temuduga dijalankan (**Rujuk BUKTI 3: Gambarajah 15: Minit mesyuarat JAF**).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [6.4.3\\_BUKTI 1.pdf](#)
2. [6.4.3\\_BUKTI 2.pdf](#)
3. [6.4.3\\_BUKTI 3.pdf](#)

## 6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Di dalam situasi pandemik COVID19 ini, terdapat banyak penambahbaikan yang perlu dilakukan terhadap proses sedia ada, memandangkan kebanyakan proses tidak lagi boleh dilakukan secara bersemuka.

Bagi Fakulti Pendidikan, situasi ini memberikan impak terhadap proses di dalam bidang tumpuan pertama iaitu **PAN-Edu X**, iaitu proses temuduga kemasukan pelajar. Memandangkan kekangan situasi semasa di mana temuduga bersemuka tidak dibenarkan, bagi memastikan penambahbaikan berterusan, Fakulti Pendidikan mengambil pendekatan untuk menjalankan sesi temuduga secara online. Inovasi yang berlaku di dalam proses ini adalah dari segi sistem yang dibangunkan oleh Fakulti Pendidikan untuk memastikan kelancaran proses temuduga supaya kualiti proses temuduga masih terjamin (**Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 16**).

Penambahbaikan berterusan dan inovasi di Fakulti Pendidikan juga berlaku pada proses penyampaian maklumat di antara pihak pengurusan fakulti dengan para pelajar, yang terkandung di bawah bidang tumpuan PAN-EduX. Sebelum situasi pandemik COVID19, keberadaan pelajar dan staf di kampus membolehkan maklumat untuk disalurkan dengan tepat. Namun, apabila proses P&P berlaku secara ODL, di mana komunikasi bersemuka adalah terhad, terdapat keperluan untuk memastikan tiada ketirisan maklumat berlaku apabila terdapat maklumat yang perlu disalurkan kepada pelajar. Mengambil kira kekangan yang berlaku, proses penambahbaikan perlu dilakukan untuk memastikan maklumat disalurkan dengan tepat dan cepat. Oleh itu, bagi memastikan proses ini ditambahbaik, Fakulti Pendidikan telah membangunkan sistem Information Flow via Telegram (IFVT) (**Rujuk BUKTI 2: Gambarajah 17**).

Pada awal tempoh bekerja dari rumah, pihak universiti telah membangunkan sistem untuk staf mengetik masuk dan mengetik keluar secara di atas talian untuk pengesahan keberadaan staf. Setelah beberapa ketika, pihak pengurusan mendapati ramai staf yang tidak mengetik masuk memandangkan ianya merupakan satu norma baharu. Jadi, bagi menambah baik proses sedia ada, Fakulti Pendidikan telah membangunkan sistem peringatan 'clock-in, clock-out' melalui talian Telegram (**Rujuk BUKTI 3: Gambarajah 18**). Sistem ini menghantar peringatan pada waktu pagi dan petang supaya para staf lebih peka untuk ketik masuk dan keluar secara di atas talian.

Sekiranya penilaian dan penambahbaikan berterusan dijalankan ke atas sistem-sistem yang dijelaskan di atas, ianya berpotensi untuk digunapakai oleh seluruh sistem universiti bagi membantu menangani impak pandemik ke atas sistem pentadbiran pengajaran dan pembelajaran universiti.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [6.5\\_BUKTI 1.pdf](#)
2. [6.5\\_BUKTI 2.pdf](#)
3. [6.5\\_BUKTI 3.pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.1 HASIL UTAMA 1**

#### **KATEGORI 1: HASIL DARI PELAKSANAAN STRATEGI**

##### **7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

###### **Pencapaian Objektif dan Inisiatif Strategik**

Pelaporan bagi kategori ini adalah berteraskan hasil daripada pencapaian objektif dan inisiatif yang telah dirangka di dalam pelan strategik Fakulti Pendidikan melibatkan tiga bidang fokus berikut:

###### **i. Asian Journal of University Education (AJUE)**

###### **ii. EDU Scholar Webinar Series**

###### **iii. Insentif Penerbitan Fakulti Pendidikan**

Pelaporan hasil perancangan strategik Fakulti Pendidikan untuk 2019 dan 2020 memfokuskan kepada tiga projek khusus iaitu Asian Journal of University Education (AJUE), EDU Scholar Webinar Series, dan Insentif Penerbitan Fakulti Pendidikan. Secara keseluruhannya, ketiga-tiga projek ini telah menyemarakkan amalan pemindahan pengetahuan, mengetengahkan bidang dan kepakaran staf akademik Fakulti Pendidikan, serta melonjakkan ketampakkan Fakulti Pendidikan di peringkat universiti mahupun antarabangsa. **Asian Journal of University Education (AJUE)** merupakan jurnal berindeks Scopus (Q4) di bawah kendalian Asian Center for Research on University Learning and Teaching (ACRULet), salah sebuah Pusat Kecemerlangan (*Center of Excellence*) di Fakulti Pendidikan, UiTM. Selain Scopus, AJUE turut diindeks antaranya oleh Asean Citation Index, MyCite, Asian Digital Library, ERIC Institute of Education Sciences, OCLC WorldCat, dan Google Scholar. Bersifat *open access* atau terbuka, artikel yang diterbitkan oleh AJUE boleh diakses secara percuma dan AJUE diterbitkan empat kali setahun. Perbincangan hasil yang seterusnya menumpukan kepada **EDUScholar Webinar Series**, iaitu salah satu daripada tiga siri webinar yang dianjurkan di Fakulti Pendidikan. EDUScholar Webinar Series mendukung aspirasi perancangan strategik dan inisiatif pelaksanaan yang berpandukan petunjuk prestasi dengan fokus pengisian kepada penulisan akademik, geran, penyelidikan dan penerbitan. Pelaporan hasil yang ketiga mengetengahkan **Insentif Penerbitan Fakulti Pendidikan** iaitu inisiatif yang diperkenalkan oleh Pejabat Penyelidikan, Jaringan dan Industri Fakulti Pendidikan. Mensasarkan pertambahan penerbitan di kalangan staf akademik, insentif ini telah berjaya menyuburkan budaya penerbitan secara individu mahupun berkumpulan. Ketiga-tiga projek tumpuan untuk hasil perancangan strategik ini telah memberi impak positif kepada Fakulti Pendidikan khususnya dalam usaha membentuk ketampakkan Fakulti dan UiTM dalam memacu arus pendidikan di peringkat global. Melalui usaha ini, ianya secara tidak langsung meningkatkan pengetahuan serta kadar penerbitan berimpak tinggi di kalangan warga Fakulti Pendidikan khususnya serta UiTM amnya dalam mengekalkan kelestarian akademik

##### **7.1.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [7.1.2 TAHAP EDU.pdf](#)

##### **7.1.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [7.1.3 TREND EDU.pdf](#)

##### **7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [7.1.4 PERBANDINGAN\\_TANDA ARAS EDU.pdf](#)

### **7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [7.1.5 KEPENTINGAN EDU.pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.2 HASIL UTAMA 2**

#### **KATEGORI 2: HASIL DARI TUMPUAN PELANGGAN**

##### **7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Tumpuan pada pelanggan adalah aspek yang sangat penting kepada sesebuah organisasi di mana hasil dari maklumbalas pelanggan akan membantu organisasi itu memperbaiki dan memantapkan tadbir urusnya. Pelanggan utama Fakulti Pendidikan adalah tenaga pengajar/pensyarah dan juga pelajar. Hasil dari Tumpuan Pelanggan akan menyetengahkan 3 hasil utama iaitu dari:

- i. Klinik Latihan Ilmiah EDU Scholar Webinar Series**
- ii. International Virtual Educational Invention, Innovation, and Design Competition 2020 (iVEDIIC2020)**
- iii. Science Technology Education Karnival (SciTech2019)**

Berdasarkan hasil daripada pencapaian objektif dan inisiatif yang telah dirangka didalam pelan strategik Fakulti Pendidikan, ianya difokuskan menerusi tiga projek utama antaranya **Klinik Latihan Ilmiah, International Virtual Educational Invention, Innovation, and Design Competition 2020 (iVEDIIC2020)** dan juga **Science Technology Education Karnival (SciTech2019)**. Secara keseluruhannya, ketiga-tiga projek ini telah meningkatkan visibiliti atau ketampakkan Fakulti Pendidikan di peringkat universiti mahupun antarabangsa menerusi pelbagai aktiviti dan program yang telah digerakkan pada tahun 2019 dan 2020.

Secara khususnya, **Klinik Latihan Ilmiah** adalah merupakan satu inisiatif yang dijalankan dibawah Jabatan Pendidikan, Fakulti Pendidikan untuk memastikan pelajar yang mengambil kursus EDU650 (Latihan Ilmiah) dapat melengkapkan latihan ilmiah dalam masa yang ditetapkan dan seterusnya dapat bergraduasi dalam masa yang ditetapkan. Menamatkan pengajian dalam tempoh (graduate on time GOT) adalah misi utama Pelan Strategik UiTM2025. Klinik Latihan Ilmiah merupakan inovasi yang sangat signifikan dalam memastikan pelajar tamat dalam tempoh. Pelajar perlu dibimbing secara berterusan dan dibantu daripada aspek penulisan ilmiah untuk menggalakkan pelajar agar dapat menyiapkan latihan ilmiah dalam waktu yang ditetapkan.

**International Virtual Educational Invention, Innovation, and Design Competition 2020 (iVEDIIC2020)** adalah merupakan satu pertandingan inovasi yang diadakan pada 17 sehingga 20 September 2020. Selaras dengan Revolusi Industri 4.0 dan Kemahiran Abad ke-21, para pensyarah dan pelajar di Fakulti Pendidikan digalakkan untuk membudayakan kreativiti dan

inovasi sebagai amalan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dalam merealisasikan pembudayaan ini, Unit Inovasi dan Komersil di bawah Bahagian PJI, Fakulti Pendidikan telah menganjurkan pertandingan ini melalui diatas talian disebabkan kekangan akibat pandemic Covid-19. Selaras dengan tema 'Social Sustainability through Educational Inventions, Innovations and Designs', objektif penganjuran ialah untuk memantapkan dan memperkasakan budaya sains, teknologi dan inovasi dalam kalangan warga UiTM dan IPTA / IPTS / Politeknik /Kolej / Sekolah dan peserta luar negara serta memperkembangkan pendedahan pengetahuan dan amalan kepada para penyelidik disamping mengukuhkan prestasi pasaran semasa dalam bidang teknologi, kreativiti dan pengkormersialan.

**Science Technology Education Karnival (SciTech 2019)** pula merupakan program pertandingan tahunan yang berteraskan STEM dan menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dikalangan para pelajar anjuran Jabatan Sains, Fakulti Pendidikan. Objektif program ini adalah untuk mendedahkan peserta dengan Pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan

matematik atau lebih dikenali sebagai STEM Education, mengutamakan pengaplikasian ilmu pelbagai medium program dan pertandingan serta meneroka dan menggalakkan kreativiti peserta dalam pengaplikasian ilmu 'STEM' dalam pertandingan serta mewujudkan jaringan industri pintar antara Kementerian Pendidikan, sekolah-sekolah, agensi swasta, masyarakat dan Fakulti Pendidikan dalam bentuk kerjasama pintar. Ketiga-tiga projek ini telah memberi impak yang amat baik dan positif kepada Fakulti Pendidikan dimana hasil dari setiap program tersebut telah berjaya meningkatkan visibiliti fakulti seterusnya berjaya meningkatkan nama baik UiTM di dalam serta diluar negara.

#### **7.2.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [7.2.2 TAHAP EDU.pdf](#)

#### **7.2.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [7.2.3 TREND EDU.pdf](#)

#### **7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [7.2.4 PERBANDINGAN\\_TANDA ARAS EDU.pdf](#)

#### **7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [7.2.5 KEPENTINGAN EDU.pdf](#)



## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.3 HASIL UTAMA 3**

#### **KATEGORI 3: HASIL DARI TUMPUAN SUMBER MANUSIA**

##### **7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Pelaporan hasil tumpuan Sumber Manusia Fakulti Pendidikan melibatkan fokus kepada tiga aspek utama iaitu:

- i. Pesyarah Tamu dan Penyampai Ucaptama**
- ii. Penglibatan Pakar Rujuk dan Perundingan**
- iii. Sistem Pembelajaran Fleksibel: FLiPEDU (Flexible Learning Platform)**

##### **Fokus kepada Pensyarah Tamu dan Penyampai Ucaptama serta Pakar Rujuk**

memperlihatkan bagaimana kepakaran sumber manusia yang ada di Fakulti Pendidikan berjaya menjana hasil yang membantu memperkukuhkan lagi kedudukan dan reputasi fakulti di pentas global. Ianya juga turut membantu dalam pencapaian petunjuk prestasi untuk 2019 dan 2020. Manakala fokus kepada Flexible Learning Platform pula merupakan manifestasi kesungguhan Fakulti Pendidikan dalam memastikan kelangsungan dan keberkesanan proses pengajaran, pembelajaran dan pentaksiran walaupun dalam menghadapi pandemik.

Peluang **sangkutan syarahan tamu dan penyampai ucaptama** yang diterima oleh staf Fakulti Pendidikan digunakan untuk membuka laluan kepada pelbagai lagi bentuk kerjasama di antara Fakulti Pendidikan dan universiti/institusi yang terlibat. Pengurusan Fakulti Pendidikan berpendirian dan memandang berat relevan dalam memastikan hubungan yang terjalin di antara pensyarah dan institusi yang mengeluarkan lantikan perlu dimanifestasikan dalam bentuk kerjasama-kerjasama yang lain dalam skala dan akses yang lebih luas. Oleh itu, peluang syarahan tamu dan penyampai ucaptama digunakan sebagai batu loncatan untuk membawa kepada kerjasama yang lebih berimpak seperti permeteraian MOU, penyelidikan dan penerbitan bersama, serta penganjuran program dan aktiviti secara kerjasama pintar.

**Topik kedua yang diketengahkan di dalam pelaporan hasil ialah pakar rujuk.** Kepakaran staf akademik Fakulti Pendidikan di dalam pelbagai aspek pendidikan merupakan salah satu kekuatan utama sumber manusia. Lantikan pakar rujuk di kalangan staf akademik merupakan salah satu petunjuk prestasi yang diperturunkan kepada semua fakulti di dalam sistem UiTM. Di Fakulti Pendidikan, penglibatan staf akademik sebagai pakar rujuk menjadi pemangkin kepada pelbagai bentuk kolaborasi dengan rakan-rakan industri dan komuniti, serta membantu melonjakkan ketampakkan fakulti.

**Topik ketiga memfokuskan kepada Sistem Pembelajaran Fleksibel (FLiPEDU).** Flexible Learning Platform menggabungkan tiga komponen utama yang terdiri daripada sub-sistem berikut: Sistem Penjadualan Pengajaran (Timetable Matters EDU), Sistem Open and Distance Learning (ODL); dan Sistem e-Res. Jika diperhatikan, gabungan ketiga-tiga sub-sistem ini menghasilkan satu sistem operasi pengajaran atas talian yang komprehensif yang melibatkan aspek penjadualan; pelaksanaan proses pengajaran, pembelajaran serta pentaksiran formatif atas talian; serta proses kemasukan data ke dalam sistem pemarkahan e-Res. Paling utama, laporan-laporan yang dijana daripada ketiga-tiga sub-sistem ini menyediakan data yang kritikal kepada pihak pengurusan dan mengatur sistem kerja yang berkesan dan efisien. Sehubungan dengan itu, selain daripada peningkatan kualiti dalam proses pengajaran, pembelajaran dan pentaksiran dalam era pandemik, FLiPEDU ini telah melonjakkan kemampuan tadbir urus tangkas Fakulti Pendidikan. Kecekapan tadbir urus, pendekatan pentadbiran serta keterbukaan pengurusan fakulti merupakan kunci kepada suasana kerja yang positif dan konstruktif. Aplikasi sistem FLiPEDU serta galakan yang diberikan untuk pelbagai inisiatif dan usaha dengan rakan kerjasama di peringkat antarabangsa telah mempengaruhi skor Indeks Kegirangan UiTM 2020 yang memuaskan untuk Fakulti Pendidikan. Perbandingan kedudukan berdasarkan skor ini

